



Nilai Profesional

Nilai Etika

Nilai Kemanusiaan



NILAI UNGGUL PERKHIDMATAN AWAM

Hak Cipta Terpelihara
©Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU), 2015.

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman, atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

ISBN 978-983-9827-38-5

Diselaras dan diterbitkan oleh:

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia,
Jabatan Perdana Menteri,
Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya, Malaysia.

Tel: +603-8000 8000

Faks: +603-8888 5145

Laman web: www.mampu.gov.my





Kandungan

MUKA SURAT

Sekapur Sirih Pembuka Bicara	4
Seulas Pinang Pemula Kata	5
Pengenalan	6
BAB 1 Menjejak Zaman	9
i. Rukun Negara	10
ii. Pembinaan Bangsa Malaysia yang Bersatu Padu	10
iii. Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran	11
iv. Gerakan Budaya Kerja Cemerlang	12
v. Tonggak 12	12
vi. Wawasan 2020	13
vii. Pelan Integriti Nasional	15
viii. 1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan	16
ix. Wasatiyyah	17
x. CTI-PCI: Cepat, Tepat dan Integriti - Produktif, Kreatif dan Inovatif	18
xi. Arahan YAB PM No. 1 Tahun 2014	19
xii. Merakyatkan Perkhidmatan Awam	20
xiii. Lapan (8) Prinsip Pemangkin Kecemerlangan	21
BAB 2 Menterjemah Wawasan	23
i. Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam	24
ii. Aplikasi Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam	24
iii. Mekanisme Pengukuran Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam	25
iv. Pematuhan Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam	26
BAB 3 Nilai Profesional	29
i. Menimba Ilmu, Meningkatkan Kemahiran	31
ii. Berinovasi dan Kreatif	31
iii. Budaya Kesegeraan	32
iv. Telus	32
BAB 4 Nilai Etika	33
i. Semangat Kekitaan	34
ii. Berintegriti	34
iii. Akauntabiliti	35
iv. Kesederhanaan	36



MUKA SURAT

BAB 5	Nilai Kemanusiaan	37
i.	Mengutamakan Pelanggan	38
ii.	Keterbukaan	39
iii.	Insaniah	39
iv.	Keprihatinan	40
BAB 6	Renungan Minda	41
i.	NBOS	42
ii.	1MOCC	43
iii.	UTC	43
iv.	1MTC	44
v.	Penubuhan Unit Integriti	44
vi.	Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus	45
vii.	Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan	46
viii.	Ekosistem Kondusif Sektor Awam	47
ix.	Indeks Maqasid Syariah	48
BAB 7	Naratif	49
i.	Ikon Integriti Terbaik	50
ii.	Kesederhanaan Kepimpinan	51
iii.	Keterbukaan dalam Amalan Syura	52
iv.	Pekerjaan Itu Satu Amanah	53
v.	Usia Bukan Penghalang	54
vi.	Berinovasi Tanpa Mudah Mengalah	55
vii.	Putaran Roda Masa	56
viii.	Pelanggan Sentiasa di Hati	57
ix.	Semangat Berpasukan	58
x.	Nilai 50 Sen	59
xi.	Hidupkan Semangat Kekitaan	59
xii.	Tidak Rugi Orang yang Berintegriti	60
xiii.	Untungnya Sifat Prihatin	61
BAB 8	Bunga Bahasa	63
i.	Pantun	65
ii.	Gurindam	72
iii.	Teromba	78
Penutup		79



Tekapur Sirih Pembuka Bicara

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia:
Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.

Sejarah perkhidmatan awam negara ini memperlihatkan kecemerlangan dan cabaran yang perlu ditempuhi oleh setiap penjawat awam demi meneruskan kesinambungan kemajuan negara. YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri juga telah menegaskan bahawa penjawat awam merupakan "Tiang Seri Negara" yang merupakan nadi utama yang berdenyut dalam pembuluh darah negara.

Menyedari perihal ini, asas formulasi yang perlu dititikberatkan oleh setiap penjawat awam adalah membudayakan nilai-nilai murni di dalam kehidupan seharian mereka. Adalah diharapkan, penerbitan buku seumpama ini berupaya untuk dijadikan sebagai salah satu rujukan dan panduan demi manfaat bersama. Saya difahamkan, buku ini bukan sahaja menghimpunkan nilai-nilai murni yang perlu digarap oleh setiap penjawat awam malah ia disampaikan melalui nukilan cerita dan kisah teladan yang dipadankan dengan Puisi Melayu Tradisional.

Saya juga berharap, agar imej dan sistem penyampaian perkhidmatan awam dapat dipertingkatkan melalui produktiviti dan semangat berpasukan yang tinggi. Harapan ini adalah cukup sinonim dengan intisari di dalam buku ini, yang antara lain menceritakan mengenai semangat kekitaan. Teladan daripada penceritaan ini juga adalah sejajar dengan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam yang perlu dipupuk oleh semua penjawat awam untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan menepati keperluan, kehendak dan aspirasi rakyat. Sesungguhnya, usaha dan harapan sebegini hanya dapat direalisasikan sekiranya warga penjawat awam terus bergerak sebagai sebuah pasukan yang kuat dan bersepadu: Bak kata pepatah, "Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat".

Syabas dan tahniah diucapkan kepada MAMPU atas inisiatif penerbitan buku yang cukup kreatif dan signifikan kepada warga penjawat awam khususnya. Saya percaya warga penjawat awam bukan sahaja akan berpeluang untuk menghayati dan menghargai keindahan bahasa kebangsaan malah akan terus memupuk nilai murni di dalam sanubari mereka.

*Ikan keli ikan haruan,
Berenang bersama di bawah jambatan;
Akhlak murni menjadi amalan,
Sekali menyongsong hilang pedoman.*

*Sayang mempelai kayu gaharu,
Dibuat orang menembak beruang;
Kalau baik tingkah dan laku,
Tidak nanti jadi terbuang.*

TAN SRI DR. ALI HAMSA
Ketua Setiausaha Negara

Seulas Pinang Pemula Kata

KETUA PENGARAH MAMPU

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia:
Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.



Buku Nilai Unggul Perkhidmatan Awam ini dipersembahkan dalam bentuk nukilan cerita dan alunan nada puitis untuk memupuk nilai murni dalam kalangan penjawat awam di setiap peringkat bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang berkualiti dan beretika mulia.

Keunikan buku ini ialah kompilasi hasil susunan semula nilai murni kepada tiga kategori iaitu Nilai Profesional, Nilai Etika dan Nilai Kemanusiaan yang diperindahkan dengan koleksi Puisi Tradisional Melayu seperti peribahasa, pantun, gurindam dan teromba. Kompilasi nukilan kisah melalui cerita rakyat, cerpen dan puisi ini juga bertemakan nilai murni yang seharusnya dijadikan amalan dan ingatan kepada seluruh penjawat awam dalam melaksanakan tanggungjawab seharian. Budaya ilmu, prinsip agama dan nilai murni dalam diri setiap penjawat awam akan menjadi pencetus dan pemangkin kepada transformasi dan kecemerlangan perkhidmatan awam.

Inisiatif penulisan ini diharap dapat meningkatkan pembudayaan nilai murni dan sekaligus meningkatkan penguasaan bahasa kebangsaan oleh seluruh penjawat awam, sejajar dengan iltizam untuk memartabatkan bahasa kebangsaan untuk manfaat bersama.

Akhir kata, buku Nilai Unggul Perkhidmatan Awam ini seharusnya dijadikan pegangan dan panduan penjawat awam untuk sentiasa kekal relevan dan kompeten dalam memenuhi ekspektasi rakyat.

*Indah sungguh pelangi,
Tidak luput hingga senja;
Ke lurah sama diharungi,
Usaha bersama membawa bahagia.*

*Sawah padi luas terbentang,
Kuning keemasan indahnyanya maya;
Percaya-mempercayai asas pegangan,
Barulah muafakat kekal selamanya.*

DATO' SRI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN

Ketua Pengarah

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU)

Jabatan Perdana Menteri

PENGENALAN

Ungkapan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia, “Penjawat Awam Sebagai Tiang Seri Negara” sangat relevan kerana penjawat awam nadi dan inspirasi perkhidmatan awam negara serta penentu pelaksanaan dan kejayaan dasar-dasar kerajaan.

Bagi meneruskan momentum perkhidmatan awam yang berkualiti dan relevan, penjawat awam seharusnya membudayakan nilai-nilai unggul dalam proses penyampaian perkhidmatan bagi memenuhi ekspektasi rakyat. Sikap dan etika kerja penjawat awam mencerminkan imej dan kewibawaan perkhidmatan awam. Pembudayaan nilai-nilai murni dapat membentuk keperibadian mulia warga penjawat awam dan seterusnya memberi impak kepada prestasi dan kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Untuk tujuan ini, pelbagai dasar dan pekeliling telah diperkenalkan oleh kerajaan, antaranya ialah Tonggak 12 Perkhidmatan Awam, Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran dan Gerakan Budaya Kerja Cemerlang ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan awam khususnya. Selain itu, usaha memperkasakan nilai unggul dan penghayatan yang mendalam dalam diri penjawat awam juga digarapkan dalam Etos Perkhidmatan Awam, Cepat, Tepat dan Integriti-Produktif, Kreatif dan Inovatif (CTI-PCI) dan Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA). YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa Ketua Setiausaha Negara semasa melancarkan Buku Merakyatkan Perkhidmatan Awam di Putrajaya pada 20 Januari 2014 ada menyebut;

“Enam prinsip Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA) seperti keterbukaan, turun padang, musyawarah, insaniah, kekitaan dan kerjasama bersama swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ialah satu pendekatan dalam mewujudkan penyampaian terbaik.”

Buku Nilai Unggul Perkhidmatan Awam ini merupakan himpunan dasar dan prinsip penghayatan nilai-nilai murni yang diperkemas untuk dijadikan panduan dan rujukan penjawat awam sebagai satu lagi usaha berterusan untuk menerapkan nilai-nilai murni dan etika positif dalam kalangan penjawat awam. Usaha-usaha penerapan nilai murni dalam perkhidmatan awam merupakan usaha yang mampan dan semestinya perlu dibudayakan merentasi masa dan zaman. Ini bertepatan dengan petikan ucapan YAB Perdana Menteri di Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-14 pada 17 Jun 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya;

“...pada era yang ditentukan oleh kepantasan oleh kepantasan dan pemodenan, semestinya penjawat awam memerlukan ciri-ciri sendiri yang berbeza, selari dengan kehendak dan tuntutan zaman.”

Nilai murni dalam perkhidmatan awam bukanlah satu kisah baharu. Buku ini menelusuri dasar dan inisiatif kerajaan yang memberi jejak kepada gugusan nilai murni yang penting bagi setiap penjawat awam. Gugusan nilai murni tersebut dicerakinkan menjadi tiga (3) kelompok nilai unggul yang utama iaitu Nilai Etika, Nilai Profesional dan Nilai Kemanusiaan.

Penerbitan buku ini bertujuan untuk memudahkan pemahaman dan penghayatan nilai-nilai murni dalam diri setiap penjawat awam dan disampaikan melalui penulisan naratif yang diadunkan dengan kepelbagaian gaya puitis sekaligus memartabatkan bahasa kebangsaan. Dengan membudayakan nilai-nilai unggul ini diharap dapat mempersiapkan warga penjawat awam untuk bersikap positif dan menghargai diri, bangsa, masyarakat dan negara dalam melaksanakan tanggungjawab kepada negara. Selain itu, buku ini juga bertujuan berkongsi amanat dan pengkisahan sebagai input bagi garapan penulisan teks ucapan, penyediaan poster dan sebagainya. Penulisan nilai unggul ini dibahagikan mengikut bab kepada 3 kategori nilai utama iaitu: Nilai Profesional (Bab 3); Nilai Etika (Bab 4); dan Nilai Kemanusiaan (Bab 5). Setiap bab ini mengandungi empat nilai murni yang telah dipersembah secara naratif dan diperindah dengan puisi tradisional Melayu sebagai santapan minda penjawat awam.



Gambar Rajah 1: Kerangka Nilai Unggul Perkhidmatan Awam

DASAR-DASAR UTAMA YANG MEMPELOPORI NILAI DAN ETIKA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

- Rukun Negara
- Pembinaan Bangsa Malaysia yang Bersatu Padu
- Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran
- Gerakan Budaya Kerja Cemerlang
- Tonggak 12
- Wawasan 2020
- Pelan Integriti Nasional
- 1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan
- Wasatyyah
- CTI-PCI: Cepat, Tepat dan Integriti-Produktif, Kreatif dan Inovatif
- Arahan YAB PM No. 1 Tahun 2014
- Merakyatkan Perkhidmatan Awam
- 8 Prinsip Pemangkin Kecemerlangan

NILAI PROFESIONAL

- Menimba Ilmu, Meningkatkan Kemahiran
- Berinovasi dan Kreatif
- Budaya Kesegeraan
- Telus

NILAI ETIKA

- Semangat Kekitaan
- Berintegriti
- Akauntabiliti
- Kesederhanaan

NILAI KEMANUSIAAN

- Mengutamakan Pelanggan
- Keterbukaan
- Insaniah
- Keprihatinan

Prinsip nilai dalam dasar-dasar utama tersebut diterjemahkan melalui tiga (3) kelompok nilai utama

INISIATIF

- NBOS
- 1MOCC
- UTC
- 1MTC
- Penubuhan Unit Integriti
- Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)
- Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan
- EKSA
- Indeks Maqasid Syariah

NARATIF

- Ikon Integriti Terbaik
- Kesederhanaan Kepimpinan
- Keterbukaan dalam Amalan Syura
- Pekerjaan Itu Satu Amanah
- Usia Bukan Penghalang
- Berinovasi Tanpa Mudah Mengalah
- Putaran Roda Masa
- Pelanggan Sentiasa di Hati
- Semangat Berpasukan
- Nilai 50 Sen
- Hidupkan Semangat Kekitaan
- Tidak Rugi Orang yang Berintegriti
- Untungnya Sifat Prihatin

BUNGA BAHASA

- Pantun
- Gurindam
- Teromba

Pembudayaan nilai-nilai melalui inisiatif yang dilaksanakan kerajaan, naratif cerita teladan dan bunga bahasa melalui pantun, gurindam dan teromba.

Gambar Rajah 2: Kerangka Buku

BAB PERTAMA

MENJEJAK ZAMAN



Rukun Negara




Rukun Negara diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 sempena ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang Ke-13. Rukun Negara diperkenalkan berikutan Peristiwa 13 Mei 1969 yang melemahkan perpaduan antara kaum di Malaysia dengan tujuan utama membentuk perpaduan yang kukuh. Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara jelas merupakan kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kejayaan dan kestabilan Malaysia.

“Rahsia kesempurnaan Rukun Negara, ialah pada amalannya. Tanpa amalan Rukun Negara akan menjadi secebis dokumen yang tidak mempunyai makna”.

“Amalan Rukun Negara keseluruhan memberikan kita jaminan mengekalkan tradisi-tradisi kebudayaan yang berbagai-bagai corak di mana anggota-anggotanya bebas untuk mengamalkan tradisi agama dan adat resam masing-masing. Tujuan kita pada akhirnya ialah membina satu masyarakat progresif dan yang bergerak maju selaras dengan kemajuan sains dan teknologi.”

- YABhg. Tun Abdul Razak Hussein




Pembinaan Bangsa Malaysia yang Bersatu Padu

Kepimpinan YABhg. Tun Hussein Onn meninggalkan legasinya yang tersendiri dan unik. Negara akan mengenang YABhg. Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia ketiga atas pengorbanannya yang besar meletakkan kepentingan negara mengatasi kepentingan yang lain. Kezurannya bukanlah menjadi kayu penghalang kepada beliau menumpukan tanggungjawab kepada agama, bangsa dan negara.

Di samping mengukuhkan lagi dasar-dasar dalaman dan luaran negara yang telah dirancang oleh YABhg. Tun Abdul Razak, YABhg. Tun Hussein Onn juga telah meninggalkan kesan jejaknya tersendiri dalam sejarah negara. YABhg. Tun Hussein Onn adalah seorang yang amat tegas dalam menangani sesuatu masalah. Beliau percaya kepada undang-undang dan mahkamah untuk memberi keadilan dan menjauhkan gangguan politik terhadap proses perundangan. Hal ini amat jelas dalam tindak tanduknya memerangi rasuah, pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa.

“Tidak ada tugas yang paling murni selain berkhidmat untuk negara. Saya tidak penting, apa yang saya lakukan lebih penting.”

- YABhg. Tun Hussein Onn



Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam Pentadbiran

Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran dilancarkan pada tahun 1985 dengan objektif untuk memberi penekanan kepada penerapan nilai-nilai teras untuk dihayati oleh setiap penjawat perkhidmatan awam ke arah mencapai kualiti perkhidmatan yang cemerlang. Rasional pentadbiran dipilih sebagai komponen utama dasar ini ialah bagi melicinkan pelaksanaan sesuatu dasar dan atas kesedaran bahawa kejayaan rancangan-rancangan kerajaan banyak bergantung kepada penjawat awam. Penghayatan kepada nilai-nilai Islam akan dapat menjamin kelancaran dan kecekapan jentera kerajaan serta menghindar perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa. Antara nilai yang dipilih adalah seperti berikut:

TEKUN

AMANAH

BERDISIPLIN

BERSIH

BERTANGGUNGJAWAB

BEKERJASAMA


DEDIKASI

BERBUDI MULIA

SEDERHANA

IKHLAS

BERSYUKUR



Gerakan Budaya Kerja Cemerlang

Gerakan Budaya Kerja Cemerlang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri yang keempat iaitu YABhg. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 27 November 1989 di Stadium Negara, Kuala Lumpur. Petikan ucapan Perdana Menteri ketika melancarkan Gerakan Budaya Kerja Cemerlang antaranya menyatakan mengenai objektif utama gerakan ini seperti berikut:

“Tujuan kita melancarkan Gerakan Budaya Kerja Cemerlang ini adalah untuk meningkatkan kualiti hidup kita melalui kualiti budaya kerja kita. Dengan memiliki budaya kerja cemerlang, kita percaya setiap kerja yang kita buat akan memberikan hasil yang cemerlang. Hasil yang cemerlang ini secara langsung akan meningkatkan kualiti hidup kita. Barang-barang dan perkhidmatan yang cemerlang hasil daripada kerja yang cemerlang akan menjadikan kita lebih berdaya saing atau ‘competitive’ dan ini akan menolong meningkatkan pendapatan kita. Dengan ini kualiti hidup kita akan meningkat lagi.”



Tonggak 12



Tonggak 12 merupakan cetsuan idea mantan YBhg. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid pada 2 Mac 1992 melalui ucapan beliau ketika perasmian Seminar Nilai dan Etika di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur.

Tonggak 12 merupakan dasar yang menggariskan panduan yang seharusnya dijadikan amalan oleh setiap penjawat awam secara individu sebagai asas pembentukan sebuah organisasi yang akan mengamalkan nilai yang baik ke arah perkhidmatan yang cekap dan berkualiti.

Sebagai tiang seri negara, setiap individu penjawat awam hendaklah menghayati dan mengamalkan nilai yang baik seperti mana tertera dalam Tonggak 12 supaya perkhidmatan awam kukuh berdiri megah.



Gambar Rajah 3:
Tonggak 12


Wawasan 2020

Wawasan 2020 diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia keempat, iaitu YABhg. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, pada 28 Februari 1991 semasa membentangkan kertas kerja bertajuk “Malaysia – *The Way Forward*” di Persidangan Majlis Perdagangan Malaysia. Beliau telah berpandangan jauh dan meletakkan matlamat penting Malaysia iaitu untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 mengikut acuan sendiri. Dalam ucapannya, beliau mengatakan:

“...setiap negara maju ada kekuatannya tersendiri. Tetapi, setiap negara maju juga ada kelemahan. Kita masih dapat berkembang dan maju ke hadapan mengikut acuan kita sendiri, tanpa meniru negara lain. Selain daripada pembangunan ekonomi, Malaysia juga perlu maju dalam pelbagai dimensi seperti aspek politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya. Malaysia perlu dibangunkan sepenuhnya, terutama dari segi perpaduan negara dan sosial, dalam aspek ekonomi, keadilan sosial, kestabilan politik, sistem kerajaan, kualiti hidup, nilai sosial dan rohani, kebanggaan negara dan tahap keyakinan.”



Sehubungan itu, anggota pentadbiran kerajaan dan penjawat awam hendaklah memahami, mempercayai dan menyemat kemas sembilan cabaran Wawasan 2020 dalam sanubari agar segala perancangan, pelaksanaan, pemantauan serta penilaian inisiatif, program, projek dan aktiviti kerajaan membawa kita tepat ke arah yang dituju.



Gambar Rajah 4:
9 Cabaran Wawasan 2020



Pelan Integriti Nasional

Pelan Integriti Nasional (PIN) telah dilancarkan pada 23 April 2004 oleh Perdana Menteri Malaysia yang kelima iaitu YABhg. Tun Abdullah bin Ahmad Badawi. Pelancaran PIN adalah selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan paraarganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.


PIN merupakan satu pelan yang dirancang serta dilancarkan oleh kerajaan dengan fokus utamanya untuk menanam dan memupuk budaya etika dan integriti dalam kalangan semua lapisan masyarakat Malaysia. Budaya

etika dan integriti ini amat penting dalam mana-mana organisasi kerana ia memastikan pelaksanaan apa jua program serta matlamat dicapai dengan baik serta beretika.

Pelan ini membolehkan kerajaan merancang pelbagai program secara teratur dalam usaha membudayakan etika dan integriti masyarakat. Sebelum ini telah terdapat pelbagai usaha yang dilakukan, tetapi didapati usaha-usaha ini tidak tekal dan tidak menyeluruh yang mengakibatkan sebilangan besar usaha ini menemui kegagalan terutamanya dalam usaha mewujudkan sinergi semua sektor. Ini mungkin disebabkan terdapat halangan-halangan seperti sikap individu, kepimpinan sesebuah organisasi, kerenah birokrasi dalam sistem penyampaian, serta disiplin dan budaya masyarakat itu sendiri.



1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan



Kerajaan mendepani pelbagai cabaran dalam usaha mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia ke-enam merencana gagasan 1Malaysia pada 13 April 2009 untuk mewujudkan kesatuan bangsa Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum, agama dan budaya berpandukan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Teras utama bagi kita untuk membina negara dan bangsa bertamadun adalah budaya berprestasi tinggi, budaya ketepatan, budaya inovasi, budaya ilmu, kebijaksanaan, kesetiaan, ketabahan dan integriti. 1Malaysia

adalah satu konsep yang murni dalam usaha membangunkan bangsa dan negara Malaysia yang bersatu.

Kerajaan yang mengamalkan sikap terbuka dan bertoleransi terhadap idea dan pendapat yang berbeza mempamerkan ciri-ciri demokrasi sebenar. Kerajaan yang menyelami aspirasi rakyat, merasai denyut nadi dan mendengar keluh kesah rakyat akan dapat membentuk sebuah masyarakat yang progresif bertunjangkan sistem budaya, nilai dan norma kita. Perdamaian, perpaduan dan persefahaman yang ikhlas adalah kewajiban dan tanggungjawab setiap anak watan dan warganegara Malaysia. 1Malaysia seharusnya membangkitkan semangat kekitaan agar kita terus memakmurkan dan mempertahankan kedaulatan negara. Kestabilan ekonomi, sosial dan politik menjadi pra syarat kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.


Prinsip Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan dikhususkan kepada pemimpin-pemimpin negara dan penjawat awam agar sentiasa menjalankan tugas dengan lebih cekap, amanah dan bertanggungjawab demi kepentingan rakyat. Pembangunan ekonomi hendaklah diseimbangkan dengan keadilan sosial di mana pentadbir negara hendaklah bersifat inklusif dalam mengurus hal ehwal negara iaitu segenap masyarakat Malaysia hendaklah memperoleh manfaat daripada kemakmuran negara.

Perancangan, pelaksanaan dan kejayaan Pelan Transformasi Kerajaan dan Pelan Transformasi Ekonomi dengan kerjasama awam, swasta dan rakyat membuktikan kesungguhan kita menjayakan gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

“Tahun 2020 sudah semakin hampir, dan kita perlu bergerak pantas. Pada masa yang sama, kita perlu memastikan laluan ke arah transformasi tidak dipandang sambil lewa atau dianggap ringan. Setiap orang perlu terlibat dan bertanggungjawab membentuk Malaysia yang baharu demi kebaikan yang lebih besar bagi semua masyarakat. Kita perlu bijak berfikir dan memilih langkah. Kita memerlukan kesabaran dan ketabahan bagi mencapai matlamat kita.”- YAB Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak



Wasatiyyah



Islam adalah cara hidup yang sempurna. Malangnya, umat Islam menghadapi cabaran getir masa kini dengan ideologi ekstrem, keganasan, islamofobia dan kedaifan. Konsep jihad disalahertikan. Jihad sebenar adalah melindungi keselamatan negara, menjaga agama, akidah, nyawa, akal, maruah atau keturunan dan harta benda. Segenap lapisan masyarakat hendaklah bersama-sama dengan kerajaan menolak ideologi ekstremis dan teguh mendukung konsep wasatiyyah bagi mengekalkan keamanan dan kesejahteraan Malaysia sebagai negara berbilang kaum. YAB Perdana Menteri pada 10 Jun 2011 dalam ucapan perasmian Konvensyen Wasatiyyah Sempena Satu Milenium Islam di Nusantara menyebut:

“Ummatan Wasatan merupakan umat yang sederhana, adil, tidak berat sebelah dalam hal dunia dan akhirat serta berimbang dalam seluruh aspek kehidupan. Berdasarkan kepada konsep ini, kita diseru agar mengimbangi antara tuntutan rohani dan jasmani serta hambatan dunia dan akhirat, kerana keseimbangan dan kesederhanaan ini amat penting dalam mewujudkan perpaduan dan keharmonian hidup, lantas menentukan kejayaan individu, keluarga, masyarakat dan negara”.

Kerajaan telah dan akan terus membuktikan keupayaan mentadbir sumber alamnya dengan baik, memastikan kemakmuran dan kemajuan negara dikongsi secara adil dan saksama serta berpegang teguh kepada kesederhanaan berimbang iaitu wasatiyyah dalam memperjuangkan yang hak dan menegur yang batil. Penjawat awam hendaklah mempunyai niat suci mengurus negara bagi mendapatkan kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat. Kita hendaklah membuktikan bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam yang bebas rasuah, cekap, telus, mengurus tadbirnya serta bertanggungjawab. Perpaduan dan keharmonian negara kita wajar dipertahankan dan masyarakat kita menjadi contoh ikutan umat Islam yang berpegang teguh kepada Al-Quran dan Sunnah.

CTI-PCI: Cepat, Tepat dan Integriti — Produktif, Kreatif dan Inovatif

Usaha kerajaan membina ekonomi negara yang kukuh, mewujudkan kestabilan politik dan sosial serta memberikan kesejahteraan hidup kepada rakyat hanya akan dapat direalisasikan apabila penjawat awam menghayati dan membudayakan prinsip-prinsip Cepat, Tepat dan Integriti (CTI) - Produktif, Kreatif dan Inovatif (PCI). Persekitaran global yang mencabar menuntut penjawat awam memberikan perkhidmatan berprestasi tinggi untuk negara dan rakyat berteraskan kepantasan dalam membuat keputusan dan tindakan, mengamalkan budaya ketepatan serta berintegriti.

Bagi merealisasikan kejayaan agenda transformasi negara, kepentingan peningkatan produktiviti diberikan penegasan semula oleh YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 7 Januari 2013 dengan memperkenalkan dua nilai pelengkap iaitu kreativiti dan inovasi. Pembudayaan produktiviti yang bertunjangkan elemen kreatif dan inovatif dalam perkhidmatan awam akan memberikan nilai tambah yang tinggi dalam penghasilan produk dan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.


“Jika dapat diterangkan dengan bahasa yang mudah, perancangan dan instrumen ekonomi kepada sesebuah negara perlu disesuaikan mengikut musim dan peredaran masa serta tuntutan domestik dan global. Justeru, untuk terus kekal relevan Malaysia sewajibnya bergerak dengan ekonomi berasaskan pengetahuan, kemahiran tinggi, kepakaran, kreativiti dan inovasi.”

– YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak



Gambar Rajah 5: Kerangka CTI-PCI dalam Mendokong Kesejahteraan Rakyat dan Daya Saing Negara

Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014



Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan diperkenalkan pada tahun 1988 melalui penubuhan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Pengurusan Kerajaan (JKKMPK). Gerakan tersebut kini diperkukuhkan lagi dengan pelaksanaan gagasan 1Malaysia. Pelbagai inisiatif telah diterjemahkan bagi melonjak pencapaian Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam Pelan Transformasi Kerajaan (GTP). Pada 14 Mac 2014, Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) ditubuhkan melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 2014 bagi menggantikan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU). Objektif pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran kerajaan ialah seperti berikut:

Mewujudkan pentadbiran kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta mempunyai integriti yang tinggi melalui pembudayaan dan pengamalan nilai-nilai murni dan etika

Merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan pencegahan dan pemulihan bagi mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan terutamanya dalam pengurusan kewangan kerajaan, pentadbiran awam, pengendalian kes-kes tatatertib, rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan yang ditegah oleh agama serta perundangan dan peraturan

Mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu semasa berimpak tinggi yang merentasi agensi secara proaktif melalui mekanisme musyawarah, permuafakatan dan tindakan segera untuk rakyat

Merakyatkan Perkhidmatan Awam

Pada 20 Januari 2014, YBhg. Tan Sri Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara telah memperkenalkan konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam yang bertujuan untuk memperkasa perkhidmatan awam yang kini terdiri daripada 1.6 juta penjawat awam. Semangat Merakyatkan Perkhidmatan Awam dipupuk agar penjawat awam menyedari amanah dan khidmat yang disampaikan adalah demi kebaikan rakyat dan termasuk diri mereka sendiri.



Konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam yang telah diperkenalkan mengupayakan perkhidmatan awam yang unggul berteraskan kepada enam prinsip utama iaitu:




6 PRINSIP MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM

Lapan (8) Prinsip Pemangkin Kecemerlangan

Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) ke-14 pada 17 Jun 2015 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya telah menyaksikan pelancaran buku Melakar Wajah Baharu Perkhidmatan Awam-8 Prinsip Pemangkin Kecemerlangan oleh YAB Perdana Menteri. Lapan prinsip yang diketengahkan oleh buku tersebut merupakan gagasan idea YAB Perdana Menteri supaya dapat dijadikan panduan oleh penjawat awam dalam landasan pengukuhan minda, peribadi dan profesionalisme.

YAB Perdana Menteri menyeru penjawat awam supaya meneruskan legasi perkhidmatan yang gemilang bagi menunaikan amanah rakyat dan meningkatkan produktivi negara berdasarkan lapan prinsip tersebut.



“...pada era yang ditentukan oleh kepantasan dan pemodenan, semestinya penjawat awam memerlukan ciri-ciri sendiri yang berbeza, selari dengan kehendak dan tuntutan zaman.”

- YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak

8 PRINSIP PEMANGKIN KECEMERLANGAN

- 1 Berilmu**
Penjawat awam hendaklah memastikan mereka sentiasa berilmu pengetahuan, kreatif, inovatif dan mampu menjadi 'figura contoh' kepada masyarakat
- 2 Kebolehpercayaan**
Meliputi sifat jujur, amanah, integriti dan diyakini serta mempunyai nilai-nilai murni sejagat yang dipercayai oleh masyarakat
- 3 Budaya Amalan Kerja Terbaik**
Amalan kerja terbaik adalah cerminan kewibawaan bagi penjawat awam. Penjawat awam harus bersungguh dan sentiasa serius dalam pekerjaan, fokus, disiplin, tepati masa dan mempunyai kemahiran serta kompetensi tinggi supaya dilihat sebagai suatu kumpulan yang dinamik, progresif dan berupaya mendepani keluk.
- 4 Semangat Patriotik**
Penjawat awam harus mempunyai perasaan mencintai dan memiliki perjuangan patriotik memartabatkan negara.
- 5 Budaya Keberhasilan**
Berteraskan *outcome based* - Budaya ini penting bagi meningkatkan mutu dan kualiti kerja yang bersandarkan kepada petunjuk prestasi utama (KPI) dalam menghasilkan prestasi kerja yang unggul dan cemerlang
- 6 Budaya Kreativiti dan Inovasi**
Penjawat awam perlu menampilkan pelaksanaan tugas yang lebih kreatif dan inovatif bagi menahuti cabaran untuk memenuhi jangkaan rakyat yang semakin bertambah kompleks, pelbagai dan sentiasa berubah
- 7 Nilai Tambah dan Kompetensi**
Penjawat awam yang berkompentensi mempunyai nilai tambah yang tinggi
- 8 Pemuafakatan Kerja**
Penjawat awam harus meninggalkan amalan bekerja secara silo. Semua pihak perlu berurusan secara muafakat, saling bahu membahu dan bukannya bekerja dalam silo atau lohong masing-masing

Gambar Rajah 6:
8 Prinsip Pemangkin Kecemerlangan

Rumusan

Galur kesungguhan kerajaan untuk menyempurnakan kehidupan rakyat telah dirakam oleh sejarah negara. Perkhidmatan awam sebagai jentera kerajaan sentiasa diberikan suntikan inspirasi melalui pengenalan dasar-dasar utama yang berteraskan nilai-nilai unggul. Sudah pasti kerajaan sedar, pengukuhan dan pembudayaan nilai dalam diri setiap penjawat awam memerlukan pelaburan masa yang tinggi. Namun, pulangan yang bakal diperoleh atas setiap usaha murni itu pasti akan memuaskan hati rakyat terbanyak. Mungkin tepat gambaran yang diungkapkan oleh John Stuart Mill; "Nilai sesebuah negara dalam tempoh jangka panjangnya, adalah nilai peribadi orang-orang yang membentuknya."



BAB KEDUA

MENTERJEMAH WAWASAN



Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam

Mengikut Kamus Dewan Edisi Ketiga, nilai diertikan sebagai sifat ketinggian sama ada dari segi pemikiran, agama, kemasyarakatan dan lain-lain. Menurut Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid pula, nilai ialah tanggapan baik dan buruk seseorang dalam kehidupan masyarakat. Ia menjadi ukuran perlakuan anggota-anggota dalam masyarakat sebagaimana menurut Carol W. Lewis dalam bukunya *The Ethics Challenge in Public Service - 1991* adalah "belief about right and wrong". (Ahmad Sarji Abdul Hamid, 1995)

Menurut definisi sosiologi, nilai memberikan satu standard atau ukuran untuk menilai satu tindakan yang diambil. Nilai juga bererti mempertimbangkan sesuatu tindakan itu dari segi betul atau salah, wajar ataupun tidak, adil atau tidak dan begitulah seterusnya. Nilai juga merupakan gabungan semua elemen yang dianggap baik dalam sebuah masyarakat. Ringkasnya nilai merupakan sesuatu yang abstrak, idea dan subjektif sifatnya. (Norazit Selat, 1989)

Nilai dari perspektif Islam adalah merangkumi keseluruhan aspek hidup insan. Ini termasuk kedudukan sosial, jawatan, pendidikan, pentadbiran, politik, ekonomi, kebudayaan dan seterusnya kepada hubungan antarabangsa. (Ahmad Ibrahim, 1984)

Etika menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah prinsip moral atau akhlak atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan. Beretika membawa erti mempunyai atau berpegang kepada etika, berakhlak atau bermoral.

Aplikasi Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam

Aplikasi dan amalan nilai murni dalam perkhidmatan awam dilaksanakan atas kepercayaan bahawa organisasi yang cemerlang mempunyai nilai, etika kerja dan disiplin kerja yang kukuh. Semua elemen ini sentiasa diterapkan dalam perilaku seharian pekerja dan seterusnya menjadi budaya kerja di organisasi berkenaan. Antara aplikasi nilai dan etika yang telah diterjemahkan termasuklah:



Mekanisme Pengukuran Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam

Secara umum terdapat beberapa mekanisme yang digunakan bagi mengukur tahap amalan nilai murni oleh penjawat awam, antaranya ialah:

Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam bertanggungjawab bagi menjalankan audit pengurusan kewangan dan audit prestasi. Audit Pengurusan Kewangan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan untuk menentukan sama ada perbelanjaan, hasil, aset dan stor telah diurus mengikut undang-undang, peraturan dan arahan yang berkaitan. Audit Prestasi pula merangkumi penilaian terhadap aktiviti sesebuah organisasi untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan.

Unit Integriti

Unit Integriti ini merupakan usaha kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi.

Pematuhan Nilai dan Etika Perkhidmatan Awam

Bagi memastikan supaya semua penjawat awam mematuhi nilai-nilai yang telah ditetapkan, kerajaan telah mengambil inisiatif dari semasa ke semasa pada skala yang besar dengan mewujudkan beberapa institusi dan kaedah seperti:

**Jawatankuasa Kira-kira
Wang Negara (PAC)**

Ketua Audit Negara

Institut Integriti Malaysia (IIM)

**Suruhanjaya Pencegahan
Rasuah Malaysia (SPRM)**

**Biro Pengaduan Awam
(BPA)**

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC)

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dilantik pada awal tiap-tiap Parlimen kerana memeriksa:

- Kira-kira Kerajaan Malaysia dan peruntukan wang yang dibenarkan oleh Parlimen kerana menepati perbelanjaan negeri;
- Apa-apa kira-kira badan-badan pentadbiran raya dan pertubuhan-pertubuhan lain yang menguruskan wang negeri yang dibentangkan dalam majlis;
- Penyata-penyata Pemeriksa Kira-kira Negara yang dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat menurut perkara 107 dalam Perlembagaan; dan
- Apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa, atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh Majlis kepada Jawatankuasa ini.


Ketua Audit Negara

Seksyen 5 Akta Audit 1957 menyatakan Ketua Audit Negara hendaklah, mengikut apa-apa cara yang difikirkannya patut, memeriksa, menyiasat dan mengaudit:

- a. akaun pegawai perakaunan Persekutuan dan Negeri;
- b. akaun mana-mana kumpulan wang berasingan yang ditubuhkan di sesuatu Negeri atau di Wilayah Persekutuan di bawah Perkara 97(3) Perlembagaan Persekutuan, walau apa pun mana-mana undang-undang yang berlawanan;
- c. akaun mana-mana pihak berkuasa awam atau badan yang lain jika diperuntukkan sedemikian oleh undang-undang dalam mana-mana hal; dan, jika tidak diperuntukkan sedemikian, atas permintaan pihak berkuasa atau badan itu dan dengan persetujuan Menteri Kewangan yang hendaklah diberitahukan dalam Warta; dan
- d. akaun mana-mana badan lain, termasuk syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125], yang menerima pemberian atau pinjaman daripada Persekutuan atau Negeri, dan termasuk juga sesuatu syarikat yang lebih daripada separuh modal syer berbayarnya dipegang oleh Persekutuan, sesuatu Negeri atau sesuatu pihak berkuasa awam atau dipegang sedemikian pada agregatnya oleh dua daripada mereka atau lebih:

Dengan syarat bahawa Yang di-Pertuan Agong menentukan sedemikian melalui perintah di bawah Perkara 106(2) Perlembagaan Persekutuan dan walau apa pun mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan pengauditan akaun mana-mana badan sedemikian;

- e. (Dipotong);
- f. akaun mana-mana pihak berkuasa awam lain jika Menteri Kewangan berpuas hati bahawa kepentingan awam memerlukan akaun pihak berkuasa itu diperiksa, disiasat dan diaudit oleh Ketua Audit Negara walau apa pun mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan akaun dan pengauditan mana-mana pihak berkuasa sedemikian...



Institut Integriti Malaysia (IIM)

Objektif utama IIM adalah untuk menjadi jentera pelaksana Pelan Integriti Nasional (PIN) ke arah membangunkan sebuah bangsa Malaysia yang berdaya tahan dan menghayati nilai-nilai integriti dan etika.



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Peranan SPRM adalah untuk membasmi rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan di Malaysia dengan fungsi yang berdasarkan kepada prinsip Bebas, Telus dan Profesional dalam melaksanakan tugasnya.



Biro Pengaduan Awam (BPA)

Diberikan tanggungjawab untuk:

- Menyelesaikan aduan dengan cekap, adil dan berkesan;
- Meningkatkan kadar penyelesaian aduan yang diterima daripada orang awam;
- Menyedia dan meningkatkan kemudahan membuat aduan kepada orang awam;
- Memperkenalkan pembaharuan dan inovasi berasaskan aduan awam;
- Memberi khidmat nasihat kepada agensi bagi meningkatkan sistem pengendalian aduan awam yang berkesan;
- Mengesan isu-isu yang boleh menjadi punca aduan orang awam; dan
- Mendapatkan maklum balas orang ramai bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.




Rumusan

Sejarah panjang kemerdekaan telah menyaksikan pohon wawasan negara telah berbunga lebat. Benihnya disemai di atas tanah anak bangsa yang bersemangat waja. Rendang pohonnya tempat warga pertiwi menumpang teduh daripada terik panas matahari. Rimbunnya cukup menjadi tempat berlindung dari timpaan hujan. Akarnya kuat mencengkam bumi merdeka, pastinya tidak kan tumbang walaupun dipukul deruan ribut ganas. Itulah pohon wawasan negara Malaysia, kesayangan semua rakyat.

BAB KETIGA

NILAI PROFESIONAL



NILAI PROFESIONAL



Menimba Ilmu,
Meningkatkan Kemahiran



Berinovasi dan Kreatif



Budaya Kesegeraan



Telus

Dalam konteks Sektor Awam, Nilai Profesional merujuk kepada tingkah laku, kepakaran, kualiti dan kemahiran yang dimiliki setiap penjawat awam dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Penjawat awam yang profesional sewajarnya mempunyai komitmen yang tinggi, kompeten, efisien, cemerlang, berobjektif dan adil.

Penjawat awam yang profesional memiliki ciri-ciri berikut:

Memiliki iltizam yang tinggi dan bersedia menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan

Mempunyai kemahiran kebijaksanaan dan berkemampuan menjalankan tugas

Mempunyai kreativiti, motivasi berdaya saing, berdedikasi dan berdisiplin

Nilai-nilai profesional unggul meliputi kesediaan untuk menimba ilmu dan kemahiran, berinovasi dan kreatif, bertindak segera, dan bersifat telus.

MENIMBA ILMU, MENINGKATKAN KEMAHIRAN

Insan yang cemerlang bukan sahaja perlu memiliki keperibadian yang luhur tetapi sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahirannya.

Kata-kata hikmah daripada Imam Ghazali, “*Manusia akan dihormati bukan kerana kekuatan dirinya, tetapi kerana ilmunya,*” seharusnya terpahat kukuh di sanubari setiap penjawat awam. Usaha menuntut ilmu mestilah dilakukan sejak dalam buaian hinggalah ke liang lahad.

Tuntutlah ilmu selaras dengan dasar kerajaan yang menekankan falsafah pembelajaran sepanjang hayat atau *life-long learning*, sebagai persediaan menghadapi cabaran-cabaran yang mendatang.

Penjawat awam perlu melengkapkan diri dengan pelbagai disiplin ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan merangkumi ilmu *explicit* dan *tacit*. *Explicit knowledge* merupakan pengetahuan yang boleh dipelajari secara formal manakala *tacit knowledge* diperoleh melalui pengalaman dan kemahiran. Oleh itu, penjawat awam perlu meluaskan pembacaan, mengasah pemikiran, mempergiatkan latihan dan meningkatkan amalan, agar perkhidmatan awam terus berada di hadapan bagi mencapai matlamat pembangunan dan meningkatkan kesejahteraan negara. Setiap perkara yang membuahkan manfaat dan kebaikan yang berpanjangan tidak mungkin datang bergolek tanpa melalui jalan yang berliku, bak kata pepatah; “kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.”

BERINOVASI DAN KREATIF

Inovasi bererti cetus idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Penjawat awam perlu berfikiran kritis dan konstruktif dalam melaksanakan tanggungjawab dengan mencari penyelesaian secara kreatif dan inovatif sehingga menjangkau pemikiran dan ekspektasi pelanggan dan di luar kotak kelaziman. Nilai-nilai kreativiti dan inovasi ini hendaklah benar-benar dihayati dan menjadi budaya kerja sekalian



anggota di dalam organisasi perkhidmatan awam. Petikan ucapan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak semasa Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-11 (MAPPA XI) pada 9 Mac 2010;

“...Mahu tidak mahu para penjawat awam mesti berfikir di luar lingkungan kotak. Saya tidak mahu budaya automation menjadi satu hakikat kehidupan dalam sektor awam. Kita seharusnya berfikiran kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian-penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman...”

BUDAYA KESEGERAAN

Persekitaran global dan tempatan yang dinamik pada masa kini menuntut penjawat awam membuat keputusan dan tindakan dengan pantas, mengamalkan budaya ketepatan atau *precision culture*. Janganlah kita melengahkan apa yang mampu kita laksanakan hari ini kepada hari esok atau lusa. Ibarat kata pepatah, “kerja bertanggung tidak menjadi, kerja beransur tidak bertahan”. Ini bermaksud, janganlah kita lambatkan apa yang kita boleh selesaikan saat ini kepada detik, minit, jam, hari, minggu, bulan mahu pun tahun yang berikutnya.

Sememangnya kepantasan bertindak dan membuat keputusan akan meningkatkan keyakinan rakyat kepada kerajaan. Pepatah juga ada menyebut, “awal dibuat, akhir diingat,” yang bermaksud, kerja yang hendak dibuat perlulah difikirkan masak-masak supaya pelaksanaan sesuatu tugas berjalan sempurna. Kecemerlangan perkhidmatan awam hendaklah berpaksikan budaya kesegeraan bagi memastikan Malaysia terus berdaya saing dan kekal relevan di persada global.

TELUS

Telus merujuk kepada pelaksanaan dasar-dasar, peraturan, tatacara dan prosedur kerja yang bersifat jelas, diketahui dan difahami rakyat. Sistem penyampaian perkhidmatan awam yang unggul hendaklah diuruskan secara telus (*transparent*).

Penjawat awam perlu melaksanakan tugas secara telus kerana rakyat akan menilai dan membuat keputusan sama ada janji kepada rakyat dapat dipenuhi atau sebaliknya. Konsep mesra rakyat merupakan elemen penting sebagai platform perbincangan dan perkongsian pandangan yang membina antara rakyat dan penjawat awam. Menerusi pandangan yang konstruktif, membina dan praktikal akan memberi manfaat serta perhatian kepada agensi awam dalam usahanya mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kepada rakyat.

BAB KEEMPAT

NILAI ETIKA



NILAI ETIKA



Semangat Kekitaan



Berintegriti



Akauntabiliti



Kesederhanaan

Etika bermaksud satu set rujukan perilaku atau prinsip-prinsip moral yang perlu dipatuhi dan ditaati. Seseorang penjawat awam berkewajipan memahami tanggungjawab terhadap peranan dan perilaku seseorang pekerja dalam kerajaan. (Nilai dan Etika dalam Perkhidmatan Awam-INTAN, 1991).

Penerapan nilai dan etika dalam perkhidmatan awam penting untuk membentuk penjawat awam yang bermoral dan beretika tinggi. Kerajaan telah pun memperkenalkan pelbagai dasar dan program penerapan nilai dan etika seperti Tonggak 12,

CTI-PCI, Etos dan Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA). Penghayatan dan penerapan nilai dan etika kerja dalam perkhidmatan awam ini merupakan teras ke arah mencapai perkhidmatan awam yang cemerlang dan berkualiti. Nilai dan etika unggul meliputi semangat kekitaan, integriti, akauntabiliti dan kesederhanaan.

SEMANGAT KEKITAAN

Setiap penjawat awam perlu berganding bahu demi merealisasikan aspirasi kerajaan untuk memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang mengutamakan prestasi dan berpaksikan keutamaan kepada rakyat. Budaya bekerja sebagai satu pasukan merentasi jabatan, agensi dan kementerian perlu diperkukuhkan dengan memecah mentaliti silo antara agensi-agensi awam, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) demi kepentingan rakyat.

BERINTEGRITI

Integriti ialah nilai pegangan, maruah, etika baik dalam melaksanakan sesuatu yang sah dan benar. Ia juga sering dihubungkan dengan nilai-nilai amanah, jujur, bolehpercayaan, adil, saksama dan sentiasa memelihara kepentingan awam tanpa mengambil kesempatan untuk kepentingan diri sendiri.

Dalam konteks perkhidmatan awam, untuk mengukuhkan budaya integriti dan beramanah khususnya dalam kalangan penjawat awam, pihak kerajaan telah menggubal serta melaksanakan pelbagai dasar. Pelan Integriti Nasional (PIN) dilancarkan pada tahun 2004, sebagai pemangkin kepada pencapaian wawasan untuk melahirkan masyarakat yang menjulang tinggi nilai integriti.

Inisiatif-inisiatif lain bagi memantapkan nilai integriti perkhidmatan awam ialah penubuhan Biro Pengaduan Awam (BPA), Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) dan Jawatankuasa Integriti

dan Tadbir Urus (JITU) di peringkat persekutuan, negeri dan daerah sebagai salah satu mekanisme dan memantapkan keutuhan pengurusan dan pentadbiran.

Jabatan Audit Negara juga dibentuk untuk mengaudit Penyata Akaun Awam bagi memastikan pengurusan perbelanjaan, hasil dana kerajaan dilaksanakan secara berhemah mengikut undang-undang dan peraturan. Penerapan, penghayatan dan pengamalan nilai-nilai murni, integriti dan bersih daripada gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa perlu sentiasa diperkukuhkan dan menjadi amalan berterusan.

AKAUNTABILITI

Akauntabiliti membawa maksud kebertanggungjawaban. Individu yang berakauntabiliti pula ialah individu yang melaksanakan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab dan bersedia untuk menerima kesan dan implikasi dari keputusan dan tindakan yang dilakukannya. Dalam konteks perkhidmatan awam, prinsip merujuk kepada kewajipan penjawat awam dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan mengikut undang-undang, prosedur dan arahan yang berkuat kuasa yang ditetapkan dan mengutamakan kepentingan awam. Prinsip akauntabiliti penting dan perlu dihayati dan dijadikan amalan oleh setiap penjawat awam dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan terutamanya dalam pengurusan kewangan.

Setiap penjawat awam juga perlu memikul tanggungjawab untuk mematuhi dan memelihara kerahsiaan dan memastikan aset kerajaan sentiasa berada dalam keadaan selamat dan terkawal. Pelanggaran keselamatan termasuklah ketidakpatuhan, kecuaiian, kelalaian sehingga menyebabkan berlakunya kebocoran rahsia rasmi kerajaan dan kerosakan aset kerajaan menunjukkan sikap tidak bertanggungjawab penjawat awam dan memberi impak negatif terhadap keselamatan, imej pentadbiran dan penyampaian perkhidmatan awam serta menjejaskan tahap keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan.


KESEDERHANAAN

Kesederhanaan membawa maksud tidak keterlaluan dalam membuat pertimbangan dan tindakan sama ada dalam pemikiran, pertuturan atau perlakuan tanpa mengabaikan kepentingan diri dan orang lain. Sikap kesederhanaan dalam tingkah laku dan perhubungan antara individu sangat digalakkan dalam pentadbiran awam. Nilai-nilai wasatiyyah pula adalah berlaku adil kepada semua kaum, berimbang dan sederhana dalam amalan dan tindakan. Bagi menentukan hala tuju negara dalam menghayati 1Malaysia, YAB Perdana Menteri menyarankan pendekatan wasatiyyah iaitu kesederhanaan, berimbang, adil dan cemerlang.


Kesederhanaan juga merupakan sikap yang menolak keterlaluan dalam hal seperti penetapan peraturan atau perbelanjaan. Seseorang yang bersikap sederhana akan memilih jalan pertengahan apabila berhadapan dengan situasi yang keterlaluan. Seseorang yang sederhana juga tidak meninggi diri, boleh ditegur, sedia menerima kritikan dan cadangan serta merendah diri.

BAB KELIMA

NILAI KEMANUSIAAN



NILAI KEMANUSIAAN



Mengutamakan Pelanggan



Keterbukaan



Insaniah



Keprihatinan

Nilai kemanusiaan atau kemasyarakatan ialah kehidupan dalam suasana permuafakatan antara ahli-ahli dalam sesebuah institusi yang terjalin mesra, bertimbang rasa, saling memahami, hormat-menghormati, adil dan saksama. Dalam konteks perkhidmatan awam, nilai kemanusiaan dapat dilihat apabila rakyat atau pelanggan berurusan dengan penjawat awam untuk mendapatkan produk atau perkhidmatan dan dalam kalangan penjawat awam itu sendiri. Intipati utamanya ialah membudayakan libat urus dan musyawarah serta memberikan perkhidmatan terbaik dan sama rata kepada rakyat tanpa mengira

keturunan, warna kulit, bangsa, agama dan kelas sosial. Nilai-nilai kemanusiaan merupakan nilai universal yang perlu dimiliki oleh setiap penjawat awam. Nilai-nilai ini akan menerbitkan rasa empati dan menghargai pelanggan untuk menyelami denyut nadi rakyat sekaligus membantu memberikan penyelesaian masalah yang sewajarnya.

MENGUTAMAKAN PELANGGAN

Pelanggan merupakan individu atau kumpulan yang memohon atau menerima perkhidmatan daripada sesebuah agensi. Perkhidmatan pelanggan yang responsif, mesra dan mengutamakan pelanggan menjadi teras kepada kecekapan serta keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Ini bertujuan memberi keseronokan kepada pelanggan untuk berurusan dengan kerajaan selaras dengan pendekatan *customer-centric public service* iaitu perkhidmatan yang mengutamakan pelanggan. Sebarang rungutan dan teguran pelanggan perlu dijadikan input penambahbaikan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Penjawat awam perlulah berupaya memahami keperluan pelanggan dan melayani mereka dengan cara yang lebih berkesan. Cubalah kita bayangkan diri kita sendiri yang berurusan dengan mana-mana agensi kerajaan. Kita sebagai penjawat awam dan juga pelanggan akan merasa kecewa, malah marah sekiranya tidak menerima tahap perkhidmatan seperti dikehendaki. Pendekatan mengutamakan pelanggan perlu sentiasa dititikberatkan dalam sistem penyampaian perkhidmatan.



KETERBUKAAN

Keterbukaan dan mudah didekati oleh rakyat adalah dua elemen yang tidak dapat dipisahkan. Selaras dengan gagasan Merakyatkan Perkhidmatan Awam (MPA) dan Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan yang meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan paling tinggi dalam sistem penyampaian, setiap penjawat awam perlu bersedia untuk menerima teguran dan kritikan membina dengan hati dan minda terbuka dalam menjalankan tugas.

Keterbukaan dalam konteks ini adalah setiap teguran diterima untuk tujuan penambahbaikan dalam pembangunan sendiri. Sekiranya setiap penjawat awam bersedia untuk menerima teguran dan kritikan tanpa ada rasa kurang selesa, maka daya saing antara penjawat awam akan dapat meningkatkan produktiviti kerja selaras dengan matlamat yang hendak dicapai.

Dalam ledakan teknologi terkini, media sosial terbukti berkesan merapatkan jurang antara kerajaan dengan rakyat. Melalui penggunaan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*, pelbagai pandangan dari rakyat dapat terus disalurkan kepada kerajaan untuk terus memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan awam. Dari semasa ke semasa, program turun padang dan musyawarah menyediakan platform kepada kerajaan untuk mendengar pandangan serta pendapat, memahami permasalahan serta mendapat maklum balas daripada pihak lain. Tanpa adanya musyawarah dengan kumpulan sasar, kita tidak akan dapat menilai impaknya.

INSANIAH

Pembinaan jati diri merupakan elemen terpenting dalam konteks pengajaran dan pembelajaran seorang insan untuk menjadi seorang individu yang seimbang jiwa dan rohani, akal dan sahsiah, ilmu dan kemahiran. Nilai keinsanan perlu dijadikan landasan bagi melunaskan tanggungjawab sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang terbaik. Memahami dan menghayati sifat insaniah ini akan membantu penjawat awam untuk bekerja dengan penuh keikhlasan, rasa tanggungjawab dan sekaligus melahirkan insan yang cemerlang dan berkualiti tinggi. Sebagai penjawat awam yang prihatin dengan wawasan kerajaan, hendaklah bertindak lebih proaktif untuk memudahkan dan bukan membebankan rakyat. Bekerja atas

dasar ihsan untuk memenuhi hak Allah SWT dan keperluan manusia sejagat akan memperkasa jati diri dan meningkatkan harga diri penjawat awam. Antara ciri nilai insaniah ialah seperti menyeimbangkan pekerjaan dan keluarga (*work-life balance*), melaksanakan kerja sebagai ibadah dan menjadi seorang yang proaktif, berdisiplin dan boleh dipercayai.

Sekiranya nilai ini dihayati sepenuhnya, sudah tentulah akan mengingatkan penjawat awam untuk tidak melakukan perkara-perkara yang bercanggah dengan prinsip agama dan apa jua perilaku yang bertentangan dengan undang-undang negara. Ini kerana, setiap tindakan yang dilaksanakan pasti tidak terlepas daripada penilaian Allah SWT.

KEPRIHATINAN

Prihatin didefinisikan sebagai sikap mengambil berat atau memberi perhatian yang tinggi terhadap sesuatu perkara. Sifat prihatin ini dipamerkan melalui satu bentuk perlakuan atau perbuatan yang menunjukkan sikap kebertanggungjawaban terhadap keperluan serta kebajikan orang lain. Dalam perkhidmatan awam, keprihatinan terhadap pelanggan dan pemegang taruh dalaman menyediakan persekitaran yang kondusif dan memudah cara urus niaga dan kesediaan untuk sentiasa mencari jalan bagi memenuhi kehendak pelanggan merupakan elemen penting dalam usaha menyediakan perkhidmatan yang berkualiti.

Sering kali kita mendengar rungutan orang ramai terhadap sesetengah agensi kerajaan yang tidak memaklumkan status sesuatu permohonan, sikap petugas kaunter yang tidak mesra pelanggan, kurang berhemah semasa melayani pelanggan serta kurang peka terhadap masalah yang dihadapi pelanggan. Untuk itu, semua penjawat awam hendaklah memainkan peranan dalam inisiatif Merakyatkan Perkhidmatan Awam bagi memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat. Proses musyawarah perlu dipergiatkan dengan membudayakan amalan turun padang ke lokasi penduduk, pusat-pusat operasi, kaunter-kaunter perkhidmatan dan lawatan tapak bagi mendapatkan maklumat serta melihat keadaan sebenar di peringkat akar umbi di samping memantau pelaksanaan projek serta program untuk menyelami denyut nadi dan harapan rakyat.

BAB KEENAM

RENUNGAN MINDA





STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

NBOS

STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy (NBOS)* merupakan langkah bersepadu kerajaan bagi merangka dasar dan inisiatif secara perkongsian pintar antara kementerian, agensi, swasta dan NGO. Strategi ini adalah pelengkap kepada Dasar Transformasi Nasional. Pelbagai inisiatif telah diperkenalkan kerajaan di bawah konsep NBOS yang bertujuan untuk menyentuh kehidupan rakyat dan merasai denyut nadi rakyat.

Kerjasama kreatif berprinsipkan NBOS antara tentera dan polis dalam menangani jenayah merupakan serampang dua mata untuk mengurangkan kos dan mengoptimumkan sumber. NBOS menggalakkan kerjasama kreatif antara tentera dan polis seperti menggunakan pusat latihan tentera untuk melatih anggota polis baru, merekrut pesara tentera menyertai pasukan polis untuk mencegah jenayah dan rondaan bersama untuk meningkatkan kehadiran pasukan keselamatan di kawasan tumpuan (*hotspot*) jenayah. Lebih daripada 100,000 anggota keselamatan telah dihantar untuk membuat rondaan jalanan bagi meningkatkan keyakinan rakyat terhadap usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar jenayah.

Antara inisiatif NBOS ialah Pusat Transformasi Bandar (UTC), Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), *1Malaysia For Youth (1M4U)*, *1MOCC* iaitu Pusat Panggilan *1Malaysia* atau (*1Malaysia One Call Centre-1MOCC*), Pusat Latihan *1Malaysia (1MTC)*, *My 'Kampung' My Future (MKMF)*, *1Malaysian Entrepreneur Training Programme (1MET)*, *My Beautiful Malaysia*, *1Malaysia Youth City (1MYC)*, Program Penjaja *1Malaysia (PP1M)*, *1Malaysia Support for Housewives (1MS4HW)* dan *1Malaysia Family Care (1MFC)*.

1MALAYSIA ONE CALL CENTRE (1MOCC)



NBOS yang mengaplikasikan cara kreatif dan inovatif dalam setiap penyelesaian seperti 1MOCC iaitu Pusat Panggilan 1Malaysia atau (*1Malaysia One Call Centre-1MOCC*) perlu dipertingkatkan. 1MOCC memudahkan komunikasi rakyat dengan agensi kerajaan melalui penggunaan satu nombor perhubungan tunggal iaitu 03-8000 8000 bagi menyelesaikan pelbagai urusan. Melalui NBOS juga, perkhidmatan awam kini melaksanakan program menerusi pendekatan yang lebih kreatif, inovatif dan secara kolaboratif.



URBAN TRANSFORMATION CENTRE (UTC)

Pusat Transformasi Bandar atau *Urban Transformation Centre (UTC)* merupakan inisiatif bitara di bawah NBOS bagi meningkatkan capaian rakyat terhadap akses pelbagai perkhidmatan kerajaan dan swasta di satu pusat sehenti. Kejayaan inisiatif ini terbukti apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) bagi tahun 2014. AIPM merupakan pengiktirafan tertinggi kerajaan kepada seluruh perkhidmatan awam yang telah berjaya merealisasikan pendekatan inovasi kerjasama secara berkesan yakni dengan meletakkan kepentingan rakyat pada keutamaan yang paling tinggi.

Oleh yang demikian, penjawat awam perlu berfikir secara holistik bagi menghasilkan penciptaan-penciptaan yang tidak terbatas dalam ruang lingkup agensi semata-mata. Setiap inovasi yang dihasilkan haruslah berimpak tinggi

yakni boleh diguna pakai oleh agensi lain serta memberi manfaat kepada rakyat dan negara. Namun begitu, jalinan kerjasama ini hendaklah bukan sahaja tersekat di sektor awam sahaja, malah sektor awam digalakkan untuk mengadakan musyawarah (*engagement*) dan kerjasama yang erat dengan pihak swasta serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam mewujudkan suasana dan penyampaian perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat.

PUSAT LATIHAN 1MALAYSIA (1MTC)



Perkhidmatan Awam telah memainkan peranan dalam mengurangkan perbelanjaan awam selaras dengan pengumuman 11 langkah perbelanjaan berhemat oleh YAB Perdana Menteri pada penghujung tahun 2013. Langkah-langkah yang diperkenalkan tersebut menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap ekonomi negara yang wajar disokong oleh semua pihak terutamanya penjawat awam. Ia secara tidak langsung menuntut supaya penjawat awam mengamalkan kesederhanaan dalam semua perbelanjaan dan perancangan aktiviti jabatan/agensi untuk kelangsungan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat amnya.

Salah satu langkah perbelanjaan berhemat ialah mengguna pakai pendekatan NBOS dengan mengoptimumkan penggunaan Pusat Latihan 1Malaysia atau *1Malaysia Training Centre* (1MTC) dan kemudahan di institusi latihan milik kerajaan bagi penganjuran kursus, seminar serta bengkel. 1MTC dilaksanakan melalui kerjasama strategik di antara semua Institut Latihan Awam (ILA) di bawah kementerian dan agensi-agensi awam. Dengan adanya 1MTC, perkongsian penggunaan fasiliti di institut latihan awam dapat dioptimumkan dan dimanfaatkan oleh pelbagai pihak. Portal 1MTC juga telah dibangunkan sebagai gerbang (*gateway*) elektronik bagi memudahkan agensi kerajaan, orang awam dan pihak-pihak swasta mendapatkan maklumat, serta membuat tempahan fasiliti dan kursus yang ditawarkan di Institut Latihan Awam.

PENUBUHAN UNIT INTEGRITI

Dalam usaha kerajaan memastikan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 mengenai penubuhan Unit Integriti di semua agensi awam

menggariskan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti. Ini mencerminkan usaha kerajaan dalam memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Ia merupakan salah satu inisiatif untuk membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi dalam kalangan penjawat awam. Penubuhan Unit Integriti ini juga merupakan usaha kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras merangkumi Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengesanan dan Pengesahan, Pengurusan Aduan, Pematuhan dan Tatatertib.

JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)

Pada 14 Mac 2014, kerajaan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju supaya usaha pemantapan keutuhan sistem pengurusan pentadbiran kerajaan terus dipertingkatkan melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) bagi menggantikan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus (JKTU).



Gambar Rajah 7 : Fungsi Teras JITU

JITU merupakan antara prakarsa kerajaan bagi melaksanakan transformasi dalam aspek integriti dan tadbir urus melalui Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2014. Antara objektif penubuhan JITU ialah untuk meningkatkan tahap kesedaran penjawat awam terhadap salah laku rasuah. Ini selaras dengan hasrat kerajaan mensasarkan peningkatan kadar indeks persepsi rasuah (CPI) dalam kalangan penjawat awam kepada 70 peratus menjelang 2020.

JITU dipengerusikan secara bersama oleh Ketua Setiausaha setiap kementerian dan Ketua Audit Negara. Seiring dengan penubuhan JITU juga, setiap kementerian menubuhkan Unit Integriti masing-masing sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi kerajaan. Enam (6) fungsi teras JITU meliputi perkara berikut:

INDEKS AKAUNTABILITI PENGURUSAN KEWANGAN

Prinsip akauntabiliti merupakan nilai penting dan perlu dihayati dan dijadikan amalan oleh setiap orang. Sekiranya prinsip ini tidak dititikberatkan dalam pengurusan program dan kewangan, maka penyelewengan, salah laku, penipuan, rasuah dan penyalahgunaan kuasa akan mudah berlaku. Prinsip akauntabiliti bersama-sama integriti memainkan peranan utama dan menyumbang ke arah keyakinan orang ramai, kebolehpercayaan tahap tinggi, kualiti dan imej agensi kerajaan. Mantan Ketua Setiausaha Negara, YABhg. Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid pernah menyatakan bahawa akauntabiliti ialah obligasi untuk memberikan jawapan dan penjelasan mengenai sesuatu tindakan dan prestasi, kepada mereka yang berhak untuk mendapat jawapan dan penjelasan tersebut. Menyedari hakikat tersebut, semua kementerian, Jabatan dan Agensi telah diminta melaksanakan Garis Panduan Bagi Mempertingkatkan Tadbir Urus Dalam Sektor Awam melalui Surat Arahan Ketua Setiausaha Negara bertarikh 9 Mac 2007.

Tadbir urus yang terbaik sektor awam adalah berteraskan kepada lima prinsip iaitu integriti, akauntabiliti, pengamanahan, pengawasan dan ketelusan. Prinsip akauntabiliti menekankan mengenai kewajiban untuk memberi jawapan dan penjelasan mengenai sesuatu tindakan dan prestasi kepada sesiapa yang berhak untuk mendapat jawapan dan penjelasan. Ianya adalah satu proses di mana jabatan dan agensi adalah bertanggungjawab ke atas semua keputusan yang dibuat dan tindakan yang diambil. Pegawai pengurusan berkenaan adalah tertakluk kepada pemeriksaan luar yang wajar. Semua pihak perlu mempunyai kefahaman yang jelas mengenai tanggungjawab ini. Ketua agensi hendaklah memastikan tanggungjawab ini diamanahkan kepada semua pegawai dengan memperjelaskan peranan masing-masing supaya dapat dilaksanakan dengan berkesan.

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Untuk menambah baik pelaksanaan Amalan 5S, kini ia dijenamakan semula kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Langkah ini selaras dengan usaha memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan agensi-agensi sektor awam melalui penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai yang menjadi amalan seluruh warga agensi sektor awam.

Secara khususnya, penjenamaan semula ini dilaksanakan bertujuan untuk membolehkan agensi kerajaan:



Selain daripada itu, EKSA juga memperkenalkan model penilaian dan pengauditan baharu yang merangkumi Kriteria Generik dan Kriteria Khusus dengan turut mengambil kira kepelbagaian premis agensi kerajaan mengikut jenis-jenis perkhidmatan yang diberikan. Pendekatan *one-size-fits-all* yang dipraktikkan sebelum ini didapati kurang memadai untuk memenuhi keperluan kepelbagaian agensi kerajaan pada masa ini. Justeru, penilaian EKSA ini akan disesuaikan mengikut lokaliti agensi yang diaudit.

Kesimpulannya, EKSA yang diperkenalkan ini bukan bertujuan untuk menggantikan konsep 5S yang telah sedia ada diamalkan, sebaliknya menambah baik elemen 5S tersebut dengan menyokong kepada pewujudan persekitaran kerja yang kondusif.

INDEKS MAQASID SYARIAH

YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia ketika berucap pada Majlis Perhimpunan Perdana Ulama-Umara dan Asnaf 2015 dan Pelancaran Indeks Syariah Malaysia di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 10 Februari 2015 mengumumkan penubuhan Panel Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah. Panel tersebut dianggotai tokoh serta pakar dalam bidang dasar dan polisi, syariah, indeks dan ekonomi Islam serta NGO Islam.

Jawatankuasa Tadbir Urus Indeks Syariah bertindak sebagai badan pelaksana dan pemantau untuk membuat pengukuran Indeks Syariah Malaysia serta bagi memastikan rakyat memahami tentang komitmen dan keseriusan kerajaan mematuhi tuntutan Syariah dalam dasar dan program yang dilaksanakan.

Penubuhan Jawatankuasa ini melengkapkan penerapan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan awam dengan memastikan tadbir urus kerajaan adalah selaras dengan tuntutan Syariah melalui pelaksanaan agenda Maqasid Syariah iaitu mewujudkan kebaikan dan menolak keburukan serta menghilangkan kemudaratan (mafsadah). Ia selari dengan tujuan utama hukum syarak, iaitu untuk mencapai segala bentuk kebaikan dan menolak segala bentuk kemudaratan (keburukan). Indeks Syariah Malaysia merupakan model pertama seumpamanya di dunia.



BAB KETUJUH

NARATIF



IKON INTEGRITI TERBAIK



Allahyarham YABhg. Tun Haji Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua merupakan model sebenar seorang pemimpin yang mempunyai tahap integriti yang cukup tinggi dan menjadi contoh kepada semua pihak. Beliau dalam satu ucapannya ketika menghadiri Simposium Debat Ekonomi Hebat di Universiti Malaya pada tahun 1967, menyatakan bahawa beliau mengambil keputusan untuk menyertai politik dengan tujuan untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara tanpa memikirkan untuk mendapat sebarang keuntungan peribadi. Penglibatan beliau dalam politik bukan atas falsafah untuk mendapat peluang tetapi atas semangat berpeluang untuk berkhidmat kepada negara.

Selepas isu sempadan membabitkan Malaysia dan Indonesia berjaya diselesaikan antara beliau dengan Presiden Suharto, beliau memanggil beberapa pegawai untuk meraikan kejayaan tersebut. Ketika berbual bersama-sama pegawai-pegawainya, beliau menyatakan tentang kemusykilannya untuk tidak mempunyai kolam renang kerana semua anaknya suka berenang. Dalam keadaan tersebut, salah seorang pegawainya telah memberitahu beliau bahawa beliau boleh meminta Jabatan Kerja Raya untuk membina kolam tersebut tetapi beliau menolak dengan mengatakan kolam itu bukan untuk dirinya dan kolam itu bukan sesuatu perkara yang penting. Seorang lagi pegawainya bertanyakan mengenai kos kolam tersebut dan beliau memberitahu ia berharga RM5000 yang mana pegawai tersebut menanyakan kembali sama ada beliau tidak mempunyai wang sebanyak itu. Allahyarham Tun Haji Abdul Razak memberitahu bahawa wang yang beliau ada hanya cukup untuk pendidikan anak-anaknya sahaja.

Ekoran peristiwa tersebut, kepimpinan Allahyarham YABhg. Tun Haji Abdul Razak amat disanjung pegawai-pegawainya kerana walaupun memegang jawatan tertinggi negara namun beliau enggan menggunakan kedudukan itu untuk hidup senang. Pada masa tersebut juga, Allahyarham Tun tidak pernah memaklumkan kepada sesiapa yang beliau menghidap penyakit leukemia dan sering mengatakan beliau sihat. Semuanya dilakukan demi kepentingan negara dan inilah sifat integriti yang patut dicontohi oleh penjawat awam zaman sekarang.

KESEDERHANAAN KEPIMPINAN

YAB Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri telah mengiltizamkan penubuhan Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) untuk mengetengahkan pendekatan kesederhanaan ataupun wasatiyyah dalam mengemudi umat dan negara bagi menghadapi cabaran pada masa sekarang dan akan datang. Institut ini dilihat berupaya menyumbang ke arah

membangunkan sebuah bangsa Malaysia yang menghayati nilai dan etika yang unggul berteraskan konsep wasatiyyah dalam segenap aspek kehidupan dengan memberi tumpuan terhadap aspek kesederhanaan dan keseimbangan menerusi rasa hormat terhadap demokrasi, peraturan dan undang-undang, pendidikan, maruah dan harga diri seseorang, serta keadilan sosial.

Wasatiyyah secara konseptual merujuk kepada pelaksanaan Islam secara berhikmah, berhemah dan berimbang bagi menentukan tidak berlaku kekerasan, kezaliman ke atas makhluk Allah Taala, termasuk manusia dan alam sekitar. Dalam masa yang sama, agama Islam dijunjung dan dimartabatkan kemuliaannya dan tidak meminggirkan penganut agama lain. Pendekatan kesederhanaan ini boleh dilihat pada masa pemerintahan Rasulullah SAW lagi di mana titah perintah Allah Taala dilaksanakan secara sempurna. Bukti wasatiyyah, kesederhanaan dan keadilan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dalam sirah nabawiyahnya, di mana Baginda meletakkan Hajaral Aswad (Batu Hitam) pada tempatnya di Kaabah, telah menunjukkan kebijaksanaan dengan meletakkannya di atas sehelai kain, ada riwayat menyatakan (kain sarbannya), dan Baginda meminta ketua-ketua kabilah (suku kaum) itu mengangkat setiap bucu kain secara bersama-sama dan Baginda sendiri yang meletakkan Hajaral Aswad itu di tempat asalnya.

Ini menunjukkan bahawa kebijaksanaan, hikmah, dan keadilan Rasulullah SAW dalam membuat keputusan demi memastikan ia tidak menimbulkan sebarang pergaduhan antara kabilah Arab yang biasanya bersengketa. Dengan



diplomasi dan wasatiyyah yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW itu, kata sepakat juga dapat dicapai melalui perbincangan secara bersama. Pengajaran daripada kisah ini adalah kepelbagaian dalam masyarakat sama ada dari segi keturunan, pegangan agama, budaya dan bahasa, bukanlah satu masalah dan penghalang kepada perpaduan asalkan kesederhanaan atau pun pendekatan wasatiyyah itu dijadikan amalan dalam kehidupan.

Dalam konteks negara, Perlembagaan Persekutuan yang digubal menjelang kemerdekaan Tanah Melayu juga jelas mengandungi nilai-nilai wasatiyyah iaitu berlaku adil kepada semua kaum, berimbang dan sederhana dalam amalan dan tindakan. Persetujuan dan persefahaman antara kaum di Malaysia di bawah kontrak sosial diikat kuat dalam Perlembagaan Persekutuan. Kontrak sosial yang diterima pemimpin pelbagai kaum di Malaysia mengamalkan prinsip wasatiyyah yang mempunyai nilai kesederhanaan dan keseimbangan bagi membina perpaduan dalam kalangan masyarakat.

KETERBUKAAN DALAM AMALAN SYURA

Dalam melaksanakan tugas sebagai pemimpin negara, Baginda Rasulullah SAW membuktikan bahawa keputusan berasaskan perbincangan adalah kunci kepada kejayaan. Imam Ibn Kathir juga telah memberikan contoh beberapa perbincangan yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW dengan para sahabat baginda dalam menyelesaikan konflik ketika dalam Perang Badar, Perang Ahzab, dan Perjanjian Hudaibiyah.

Sejarah Rasulullah SAW ini menjelaskan kepada kita bahawa sistem perbincangan (syura) telah dibentuk dalam kalangan sahabat sehingga dapat membuat keputusan yang boleh dipercayai. Rasulullah SAW boleh menerima pandangan sahabat-sahabatnya, sedangkan baginda merupakan penghulu kepada Rasul, Nabi dan umat manusia.



Oleh itu, jawatan dan kedudukan yang dipegang setinggi manapun, tidak boleh menjadikan individu tersebut kebal dengan sebarang teguran dan pandangan. Bersikap terbuka dan dapat menerima pendapat orang lain merupakan amalan yang perlu diteruskan terutama dalam keluarga, masyarakat dan negara. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud,

“Ingatlah bahawa setiap daripada kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin bertanggungjawab terhadap mereka yang dipimpinnya.” (Riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan hadis, jelas menunjukkan sikap setiap pemimpin untuk menjaga hak-hak yang dipimpin dengan sempurna. Begitulah jua betapa besarnya tanggungjawab seorang pemimpin terhadap orang yang dipimpinnya.

Seseorang yang mempunyai sikap keterbukaan akan bersedia mendengar pandangan dan buah fikiran daripada mereka yang lebih muda daripadanya atau sebaliknya, sama ada daripada kawan-kawannya mahupun lawan, sama ada daripada mereka yang berjawatan tinggi atau jawatan bawahan. Sebaik-baiknya sebagai pemimpin atau individu, kita tidak harus mempunyai sifat ego yang melampau dan sombong serta sikap tertutup kepada apa-apa jua sesi perbincangan. Jikalau tidak bersetuju dengan pandangan orang lain, maka lebih baik menggunakan bantahan yang paling lembut dan berhikmah.

Mengapakah perlu bertelingkah, bergaduh atau bertengkar? Sedangkan kita mempunyai pilihan untuk bermesyuarat dalam suasana yang cukup harmoni, aman dan penuh ukhuwah melalui perbincangan dan sebagainya.

Rasulullah SAW pernah bersabda,

“Berbincanglah dengan ahli yang mempunyai kepakaran kemudian ikutlah keputusan mesyuarat tersebut. Keputusan yang dibuat berasaskan mesyuarat adalah keputusan yang boleh dipercayai.” (Riwayat al-Bukhari)

PEKERJAAN ITU SATU AMANAH

Pada 10 Ogos 1982, Norlisman bin Abu yang berkhidmat sebagai posmen di Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur telah ditimpa kemalangan sewaktu bertugas di selekoh Jalan Tun Perak akibat mengelak daripada dilanggar sebuah kereta yang muncul secara tiba-tiba. Akibatnya, Norlisman telah tercampak daripada motosikal dan mengalami cedera parah di kepala, sementara tangan dan kakinya melecet terkena ekzos motosikal.

Namun demikian, Norlisman masih mampu merangkak untuk menyelamatkan 22 pucuk surat berdaftar yang tercampak, sedangkan dompetnya yang terhumban jauh langsung tidak diendahkan. Tindakan ini didorong oleh rasa tanggungjawabnya terhadap surat-surat berdaftar yang diamanahkan kepadanya. Walaupun didesak pihak polis untuk menyerahkan surat tersebut, Norlisman

tetap enggan melepaskannya. Malahan terus mendakap surat tersebut sehinggalah beliau dibawa ke hospital. Kemalangan tersebut menyebabkan Norlisman terpaksa menerima sepuluh jahitan di kepala. Namun begitu, beliau berpuas hati kerana semua surat berdaftar itu berjaya diserahkan kepada pegawai pos yang datang melawatnya.

Norlisman berasa lega kerana surat berdaftar tersebut pasti akan selamat diserahkan kepada penerimanya. Ternyata Norlisman merupakan seorang pekerja yang amanah dan bertanggungjawab. Kekuatan integriti dan keunggulan peribadi yang dimiliki oleh Norlisman ini telah menarik perhatian YAB Perdana Menteri dan YAB Timbalan Perdana Menteri ketika itu, iaitu YABhg. Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dan YABhg. Tun Musa bin Hitam yang memberi penghargaan kepada beliau atas keutuhan prinsip integriti dan akauntabiliti yang dipegangnya sekalipun terpaksa bertarung nyawa.

USIA BUKAN PENGHALANG

Pada 35 tahun yang lalu, seorang ibu sanggup menanggungkan pengajiannya sekali gus melepaskan cita-cita untuk menggenggam segulung ijazah kerana tidak sampai hati meninggalkan anak yang ketika itu baru masuk usia tiga tahun di rumah.

Kalaulah tidak kerana kesanggupan Dr. Zainon Ghazaley, 64, untuk berhenti belajar dan mencari pendapatan tambahan bagi membiayai pendidikan anak-anaknya dahulu, mungkin mereka tidak berjaya seperti sekarang. Anak sulungnya, Suraya Ali, kini seorang akauntan, manakala yang bongsu, Muhammad Shafiq, bertugas sebagai pembantu juruterbang.

Suraya sendiri berasa teruja dan bangga ketika pertama kali ibunya menyuarakan hasrat untuk kembali belajar. “Memiliki PhD adalah impian hidup mak sejak sekian lama tetapi tertangguh dek mahu membesarkan anak-anak. Jadi giliran kami memberikan sokongan penuh untuk mak mencapai impiannya,” jelas Suraya. Beliau juga ingin melihat ibunya gembira melakukan perkara yang diminati, iaitu belajar dalam bidang kerja sosial.

Katanya, “Ibunya sangat gemar membaca buku untuk menambah ilmu dan jika almari di rumah orang lain penuh dengan barang-barang perhiasan, almari di rumah mereka pula penuh dengan buku-buku. Beliau juga seorang yang amat cintakan kerjayanya dalam bidang kerja sosial dan sangat berpuas hati jika dapat membantu orang-orang yang susah,” ujarnya.

Dalam pada itu, faktor usia, jarak dan masa nyata tidak pernah menghalang



Zainon mengejar cita-citanya menggenggam PhD. “Usia bukan penghalang”, ujarnya yang memperoleh PhD pada Majlis Konvokesyen ke-46 Universiti Sains Malaysia (USM).

Beliau yang sebelum ini mempunyai ijazah pertama dalam bidang Sains Sosial juga dari USM dan ijazah kedua dalam bidang kaunseling dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), turut berkongsi cabaran yang dihadapinya ketika melanjutkan pengajian di USM. “Saya juga terpaksa belajar menggunakan komputer kerana tidak mahir. Disebabkan keinginan yang tinggi untuk belajar, saya berusaha bersungguh-sungguh dengan mendapatkan bantuan daripada teman-teman sekuliah,” ceritanya sambil ketawa apabila mengimbuai kembali kenangan di kampus.

Semangat beliau jelas menunjukkan ilmu itu tangga kejayaan dan tuntutlah ilmu sampai ke negara China.

BERINOVASI TANPA MUDAH MENGALAH

Menjadi kebiasaan nelayan Jepun belayar jauh untuk menangkap ikan. Namun begitu, disebabkan pelayaran yang jauh, hasil tangkapan mereka mati dan mengeluarkan bau yang busuk. Oleh sebab tidak mahu ikan-ikan tangkapan mati dan busuk, nelayan Jepun membawa pembeku. Orang Jepun tahu membezakan ikan yang segar dan ikan yang dimasukkan ke dalam pembeku.

Kemudian, nelayan Jepun berlayar ke laut lepas untuk menangkap ikan dengan membawa sebuah tong air yang sangat besar dan diisi dengan air laut supaya ikan yang ditangkap kekal hidup semasa tiba di daratan.

Namun, apabila tiba di daratan ikan-ikan itu lemas dan tidak mahu bergerak kerana bosan berada di kawasan yang sempit berbanding kawasan hidup asalnya. Orang Jepun tahu membezakan mana ikan yang segar dan mana ikan yang lemas.

Seterusnya, mereka kembali berlayar untuk menangkap ikan. Kali ini mereka membawa sebuah tong besar berisi air laut yang banyak dan memasukkan dua ekor anak ikan yu ke dalam tong tersebut. Seekor anak ikan yu dapat memakan empat hingga lima ekor ikan dalam sehari, manakala perjalanan dari lokasi penangkapan ikan menuju daratan memakan masa dua hari. Maka kedua-dua ekor anak ikan yu itu



menghabiskan sehingga 20 ekor ikan tangkapan semasa dalam perjalanan.

Apakah yang terjadi? Semasa tiba di darat semua ikan tangkapan yang berada di dalam tong tersebut masih dalam keadaan segar dan lincah. Mengapakah ini berlaku? Hal ini demikian kerana ikan-ikan tangkapan tersebut berusaha supaya tidak dimakan oleh ikan yu. Ikan-ikan tersebut berlumba-lumba untuk bertahan dan terus hidup.

PUTARAN RODA MASA

Di dalam sebuah kelas falsafah, seorang profesor memulakan kelas dengan mengambil sebuah balang yang besar dan mengisinya dengan bola golf. Dia kemudian bertanya kepada para pelajarinya, “Adakah balang tersebut penuh? Pelajarinya seraya menjawab “ya!”. Kemudian, Profesor itu mengambil sekotak batu kerikil halus dan menuangkannya ke dalam balang yang telah dipenuhi bola golf tadi diikuti dengan pasir.

Sejurus selepas itu, Profesor itu mengeluarkan dua cawan kopi dari bawah mejanya dan menuangkan kedua-duanya ke dalam balang yang telah sedia ada diisi batu golf, batu kerikil dan pasir tersebut. Air kopi mengisi ruangan yang terdapat di antara pasir.

Lalu, Profesor tersebut meminta pelajarinya membayangkan balang tersebut sebagai sebuah kehidupan. “Bola-bola golf mewakili perkara penting, yakni Tuhan, keluarga, anak-anak, kesihatan, kawan-kawan dan semangat diri. Jika anda kehilangan segala-galanya dan hanya perkara penting ini yang masih ada, hidup anda masih penuh. Batu kerikil halus ini pula mewakili perkara-perkara lain, seperti kerja anda, rumah atau kereta anda, manakala pasir pula mewakili perkara-perkara lain, yakni perkara-perkara kecil.”

“Jika anda memasukkan pasir ke dalam balang dahulu, anda tidak akan mempunyai ruang untuk batu kerikil dan bola golf. Hal ini sama juga seperti kehidupan anda. Jika anda menghabiskan masa dan tenaga untuk perkara-perkara kecil, anda tidak akan mempunyai ruang untuk perkara yang sebenarnya lebih penting untuk diri anda.”

“Ambil perhatian perkara yang kritikal untuk kebahagiaan anda. Masa itu emas. Luangkan masa gembira untuk anak-anak. Sentiasa melakukan pemeriksaan




kesihatan, bawa pasangan anda untuk makan malam atau urusan lain. Ambil berat perkara yang benar-benar penting. Tetapkan keutamaan, kerana perkara remeh hanyalah pasir.”

Salah seorang pelajarnya mengangkat tangan dan bertanya apakah pula yang diwakili oleh air kopi. Profesor tersebut tersenyum. “Saya gembira ada yang bertanya. Ia menunjukkan bahawa tidak kira sibuk pun kehidupan anda, akan sentiasa ada ruang untuk secawan dua kopi bersama-sama rakan-rakan.”

Kadang kala kita berasa bahawa tempoh 24 jam yang diberikan setiap hari tidak cukup. Waktu tidur, waktu bekerja dan waktu bersama-sama anak dihabiskan dalam tempoh 24 jam. Namun begitu, adakah kita benar-benar menghargai waktu?

PELANGGAN SENTIASA DI HATI



Jam menunjukkan pukul 9.59 pagi. Pintu pejabat pos mini di cawangan itu masih belum dibuka. Di luar, saya berdiri bersama-sama lima orang pelanggan yang menantikan pintu pejabat itu dibuka. Tepat pukul 10.00 pagi pintu dibuka. Sungguh cekap kerana mereka membuka kaunter perkhidmatan tepat pada waktunya. Saya mengambil nombor giliran untuk kategori pembayaran bil dan mendapat giliran kedua. Lega rasanya kerana pelanggan di pejabat pos ini tidak begitu ramai. Kelihatan seorang mak cik berusia

sekitar 60-an merupakan antara pelanggan ketiga yang menunggu giliran. Hanya dua kaunter yang dibuka ketika itu.

Nombor giliran saya dipanggil dan saya terus menuju kaunter dan menghulurkan lima bil ke arah petugas. Di sebelah kaunter saya kelihatan mak cik yang diceritakan tadi. “Selamat pagi, mak cik”, kata petugas wanita di kaunter hujung kiri pejabat pos itu. Amat jelas perbualan itu saya dengar. Mak cik itu kelihatan resah dan berkata, “Mak cik tak reti isi borang, nak”.

Lantas petugas kaunter itu dengan nada yang lembut berkata, “Mak cik biar saya tolong isikan borang. Boleh saya dapatkan kad pengenalan mak cik,” ujarnya dengan senyuman. Kelihatan riak wajah mak cik itu penuh kegembiraan apabila mendapat layanan yang baik daripada petugas kaunter tersebut. Mak cik itu mengucapkan terima kasih kepada petugas berkenaan dan beredar dengan hati yang sangat lapang. Saya terfikir alangkah baiknya semua penjawat awam

dapat memberikan layanan sebegini rupa kepada pelanggan mereka. Sifat ringan mulut dan menghulurkan bantuan dengan senyuman merupakan antara cara bagi menunjukkan tatasusila dan budaya rakyat Malaysia.

SEMANGAT BERPASUKAN

Ketika di sekolah, cikgu sering berpesan, “Kita perlu ada semangat berpasukan dalam kehidupan. Umpama lidi, mudah dipatahkan jika sebatang, tetapi sukar apabila dikumpulkan menjadi seberkas”. Ketika di universiti, pensyarah juga memberikan gambaran yang serupa; “pasir, simen, batu dan air, jika disatukan akan menjadi konkrit yang keras dan kuat”. Maka, setiap hasil yang hebat, pasti bermula daripada perancangan dan persediaan insan-insan yang hebat sepanjang perjalanan kerja itu sendiri. Antara sebab utama kerja berkumpulan gagal termasuklah:

Pertama: Tiada Kepercayaan – Buat Ini Tidak Kena, Buat Itu Tidak Kena

Keperluan asas dalam kerja berkumpulan ialah kepercayaan. Bayangkan, jika setiap kali si A membentangkan ideanya, si B dan si C hanya senyum sinis dari jauh dan tidak meletakkan sokongan untuk si A terus berjuang. Si A mungkin boleh berbangga dengan idea yang dihujahkan tetapi percayalah bahawa idea yang dilontarkan hanya tinggal idea. Hal ini demikian kerana jika si B dan si C tidak mahu melihat kejayaan yang sama dan tidak meletakkan kepercayaan yang serupa, mustahil matlamat yang diidamkan akan tercapai.

Kedua: Sibuk Hal Masing-masing – Hal Engkau, Hal Engkau

Bayangkan apabila si A ini berusaha sehabis-habis baik dalam merangka idea baharu. Apabila idea itu dikongsi untuk sesi pendapat, si B dan si C menyambutnya dengan dingin dan bersahaja. Tiada sebarang maklum balas sokongan ditunjukkan dan hanya “melihat tanpa mendengar”. Matlamat dan angan-angan menggunung si A sekali lagi akan terbengkalai begitu sahaja. Kerja berkumpulan seharusnya mengutamakan sesi perbincangan lebih daripada yang lain. Melalui sesi ini sahajalah, semua ahli akan duduk mendengar setiap perancangan dan memberikan pendapat mereka masing-masing.

Ketiga : Arahan Kabur – Ahli Pasif

Mustahil bagi si B dan si C untuk melaksanakan tugas si A kerana latar belakang dan pengalaman bidang yang berbeza. Namun begitu, jika si A ini memberikan arahan yang jelas dan lengkap, tidak mustahil si B dan si C boleh melakukan tugas yang sama. Oleh yang demikian, fokus kepada penyampaian arahan yang jelas dan lengkap setiap kali sesi perbincangan amat penting bagi memudahkan setiap tugas yang akan dibuat tanpa sebarang kepincangan.

NILAI 50 SEN

Ketika bunyi loceng menandakan masuk waktu rehat, kelihatan seorang murid masih duduk di dalam kelasnya dan tidak ke kantin untuk membeli makanan. Dia disapa oleh gurunya.

“Awak tidak pergi rehat ke Alif?”

Murid itu hanya menggelengkan kepala.

Tanya guru itu lagi. “Kenapa Alif tak rehat?”

Lantas murid itu menjawab.

“Ibu saya beri 50 sen sehari cikgu. Di kantin, saya hanya dapat beli satu nuget. Saya malulah, Cikgu. Beratur panjang-panjang tapi dapat beli nuget sahaja. Jadi saya kumpul duit hari ini untuk makan hari esok dan saya akan dapat makan nuget 50 sen dan air sirap 50 sen pada setiap hari Selasa dan Khamis, Cikgu”, balas murid itu sambil tertunduk malu.

Perasaan guru itu mula bercampur baur, sedih dan sebak. Terdetik dalam fikirannya, masih ada pelajar yang membawa 50 sen ke sekolah. Ramai di antara kita memandang 50 sen jumlah yang kecil, sedangkan bagi pelajar ini 50 sen adalah sangat besar ertinya.

Tanya guru itu lagi. “Kalau hari Jumaat awak tidak pergi kantinlah, ya?”

Jawab pelajar itu sambil senyum. “Hari Jumaat duit 50 sen ni saya akan sedekah semasa bacaan Yasin, Cikgu. Mak saya kata, kalau kita bersedekah rezeki kita akan bertambah.”

Guru itu berasa sedikit terkejut dan sebak mendengar keikhlasan muridnya yang mampu memberikan sedekah dengan 50 sen wang sakunya. Lantas guru itu berdoa,

“Ya Allah, limpahkanlah rezeki bagi keluarga muridku ini. Luaskanlah rezeki mereka, semoga mereka tidak lagi berada dalam kemiskinan.”

Rezeki yang kita ada hari ini bukanlah kepunyaan kita keseluruhannya. Di manakah darjat kita yang sudah berkerja ini, jika hendak dibandingkan dengan budak miskin dalam cerita tersebut?

Cermin dan nilai semula diri kita, adakah cukup sedekah kita pada hari ini?

HIDUPKAN SEMANGAT KEKITAAN

Pada suatu ketika dahulu, sebatang pohon besar telah tumbang merentasi jalan utama ke istana. Sebanyak 10 orang pengawal istana dikerahkan untuk mengalihkan pohon tersebut supaya jalan ke istana tidak terganggu. Ketua Pengawal, hanya berdiri di tepi dan mengarahkan pengawal-pengawal yang lain



untuk berusaha lebih keras, namun mereka masih gagal mengalihkan pohon tersebut. Tiba-tiba datang seorang lelaki ke tempat itu dengan menaiki kuda. Lalu lelaki itu membisikkan sesuatu kepada Ketua Pengawal tersebut, “Jika kamu membantu mereka, saya rasa cukup tenaga untuk mengalihkan pokok tersebut.

Mengapakah kamu tidak membantu?” Ketua itu menjawab, “Itu bukan tugas saya. Saya Ketua Pengawal, itu kerja mereka, merekalah yang patut dilaksanakan. Saya menyelia.”

Mendengarkan jawapan sedemikian, lelaki itu turun dari kudanya, lalu membantu pengawal-pengawal istana untuk mengalihkan pokok itu. Akhirnya pokok tersebut dapat dialihkan.

Lalu kedengaran jeritan Ketua Pengawal itu, “Bagus... bagus. Saya akan laporkan pada pihak istana bahawa kita telah berjaya mengalihkan pokok tersebut,” katanya dengan bongkak. Lelaki itu hanya tersenyum tanpa berkata apa-apa dan berlalu pergi.

Apabila tiba pengawal-pengawal di istana, raja menitahkan supaya Ketua Pengawal datang menghadap. Ketua Pengawal tersebut telah menanam niat untuk meminta ganjaran yang besar atas usahanya tadi.

Setibanya di istana, Ketua Pengawal itu terkejut melihat raja itu ialah lelaki yang membantu mengalihkan pokok tumbang. Dia berasa amat malu. Raja hanya tersenyum sambil bertitah, “Beta hanya akan hadiahkan sembilan buah rumah sahaja dan buat kamu, tidak akan ada apa-apa ganjaran. Kamu ketua yang gagal menjalankan tanggungjawab kerana kamu tidak membantu membuat kerja tetapi hanya mengarah.”

TIDAK RUGI ORANG YANG BERINTEGRITI

Tersebut sebuah kisah mengenai seorang pemuda miskin bernama Mubarak. Dia bekerja sebagai buruh dengan seorang pemilik kebun buah. Pada suatu hari, pemilik kebun itu mengunjungi kebunnya bersama-sama dengan beberapa orang sahabatnya. Mubarak dipanggil oleh pemilik kebun tersebut lalu disuruh memetik beberapa biji buah delima yang manis untuk sahabat-sahabatnya.

Tanpa berlengah Mubarak bergegas melaksanakan perintah majikannya. Dia memetik beberapa biji buah delima dan dengan pantas diserahkan kepada majikannya itu. Namun begitu, apabila majikannya dan sahabat-sahabat



majikannya merasai semua buah delima yang dipetik Mubarak, tiada satu pun yang manis. Majikannya berasa amat marah dan bertanya kepada Mubarak, “Adakah engkau tidak boleh membezakan delima yang manis dan yang masam?”

Lalu Mubarak menjawab; “Maafkan saya tuan, selama ini tuan belum pernah memberikan kebenaran atau mengizinkan saya untuk makan buah-buah delima di kebun ini, bagaimanakah saya boleh membezakan buah delima yang manis dan yang masam?”

Majikannya berasa terkejut dan tidak percaya kerana bertahun-tahun Mubarak bekerja di kebunnya itu, tidak pernah satu pun buah delima dijamahnya. Lalu, beliau terus bertanyakan perkara itu untuk kepastian kepada pekerja-pekerjanya yang lain. Mereka mengesahkan Mubarak memang tidak pernah memakan buah delima di kebun itu, walaupun sebiji buah.

Selang beberapa hari, majikannya datang menemui Mubarak untuk meminta pendapat dan persetujuannya.

“Aku hanya mempunyai seorang anak perempuan, dan aku ingin menikahnya dengan engkau wahai Mubarak kerana sikapmu yang amanah dan jujur”. Selepas pernikahan Mubarak dengan anak majikannya, beliau dihadiahkan kebun tersebut dan menerima keuntungan bersama-sama keluarga mertuanya.

Setiap daripada kita seharusnya melakukan kerja harian dengan amanah dan penuh rasa bertanggungjawab. Sikap yang amanah dan jujur akan mendorong kita ke arah kebaikan dan keberkatan hidup.

UNTUNGNYA SIFAT PRIHATIN

Seekor tikus telah ternampak sepasang suami isteri petani memasang perangkap, lalu tikus itu bergegas berlari meminta pertolongan daripada rakannya, seekor lembu, seekor kambing dan seekor ayam.

Maka menjerit tikus tersebut, “Awat, ada perangkap tikus di dalam rumah!”. Si ayam dengan tenang berkokok lalu berkata, “Maafkan aku sang tikus. Aku tahu ini masalah besar bagi engkau. Tapi bagi aku tiada masalah. Jadi pergi jauh daripada aku kerana jeritan engkau membuatkan aku pening.”

Lalu si tikus berlari menuju sang kambing, jeritnya, “Ada perangkap tikus di dalam rumah! Ada perangkap tikus di dalam rumah!”. Lalu sang kambing berkata,



“Sedih aku mendengar perkhabaran ini. Namun tidak ada apa yang boleh aku lakukan kecuali berdoa. Yakinlah, engkau sentiasa ada dalam doa-doaku.”

Si tikus lalu berlari menuju si lembu. “Oh! Sebuah perangkap tikus. Jadi aku dalam bahaya besar, ya?”, kata lembu itu sambil ketawa. Lalu tikus itu kembali semula ke rumah dengan perasaan sedih menghadapi perangkap tikus itu bersendirian.

Malam itu juga terdengar suara bergema di seluruh rumah, seekor ular berbisa telah terperangkap setelah mematuk tangan isteri petani itu. Lalu bergegas petani itu membawa isterinya ke hospital kerana keadaannya yang lemah. Setelah berhari-hari tidak juga kebah demam isterinya. Sudah menjadi kebiasaan pesakit yang demam akan dihidangkan dengan sup ayam segar, maka terkorbanlah sang ayam.

Penyakit isterinya berlanjutan sehingga seluruh sahabat dan jiran tetangga datang menjenguk. Lalu petani itu menyembelih kambingnya sebagai hidangan bagi tetamu yang datang melawat isterinya. Setelah sekian lama, keadaan isterinya semakin tenat. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh petani tersebut namun menemui jalan buntu, lalu isterinya pun meninggal dunia. Ramai tetamu yang menghadiri majlis pengebumian itu sehingga petani itu terpaksa menyembelih lembunya untuk dibuat hidangan.



BAB KELAPAN

Bunga Bahasa



Bunga Bahasa

Pantun

Gurindam



Teromba



Pantun

Pantun merupakan puisi Melayu sejati. Pantun terpendek terdiri daripada dua baris yang mempunyai ikatan berirama dan mempunyai sebutan yang sama dihujungnya. Baris-baris ini pula boleh dikumpulkan menjadi empat, enam atau lapan baris. Jarang terdapat pantun yang melebihi lapan baris dan pada kebiasaannya pantun terdiri daripada empat baris. Pantun terbahagi kepada dua bahagian sama banyak rangkapnya, iaitu bahagian pembayang dan diikuti pula dengan maksud pantun. Bahagian pembayang bagi pantun empat kerat terdiri daripada dua ayat pembayang dan dua ayat maksud, dan bagi pembayang pantun lapan kerat adalah empat ayat pembayang dan empat ayat maksud dan demikianlah seterusnya.

(1)

Nangka muda digulai lemak,
Buah keranji masak tersangkut;
Harta dunia jangan ditamak,
Bila mati tidak mengikut.

Petikan Daripada;

Zainal Abidin bin Ahmad (Za'aba), Kalung Bunga Buku, 1964, KL: DBP.



(2)

Menulis surat di dalam gelap,
Hurufnya salah banyak tak kena;
Jagalah diri jangan silap,
Jikalau silap dapat bencana.

Masa berjalan bawalah tongkat,
Kalau boleh jenis semambu;
Sama sekampung teguhkan pakat,
Kalau tidak musuh berkubu.

Angin bertiup kembangkan layar,
Haluan menuju ke Pekan;
Hendaklah hidup berikhtiar,
Kemudian serahkan kepada Tuhan.

Banyak orang pergi menjala,
Mencari orang di dalam parit;
Jagalah diri jangan tercela,
Rosak nama bangsa terpalit.

Dari Melaka ke Kuala Lanar,
Pergi meraih buah kuran;
Jangan takut bercakap benar,
Kerana itu tanda kejujuran.

Bawa aksin terlalu indah,
Ombak bersusun berlari-lari;
Jika berkata yang tidak berfaedah,
Terlebih baik mendiamkan diri.


Dari Pulau Tambun ke Pekan,
Pergi dengan perahu nelayan;
Tekun dan sabar asas kejayaan,
Rajin dan usaha tapak kesenangan.

Burung tiung terbang tinggi,
Burung merpati mencari sarang;
Kalau sombong meninggi diri,
Ke mana pergi dibenci orang.

Mencari palas ke sana sini,
Barulah ada di Simpang Empat;
Siapa bermalas semasa ini,
Kemudian akhirat rugi mendapat.

Petikan Daripada;

Zainal Abidin Bakar (Peny.), Kumpulan Pantun Melayu, 1983, KL: DBP.




(3)

Menanam bunga di dalam pasu,
Bunga melati dan bunga pandan;
Jangan ikut hawa nafsu,
Kelak nanti binasa badan.

Petikan Daripada;

Ariffin Nur, Rangkaian Sastera Melayu, 1957, Pulau Pinang: Sinaran Bros.



(4)

Nyiur manis baru gugur,
Dibawa nyonya di luar pagar;
Jasad menangis di pintu kubur,
Menyesal di dunia tidak belajar.

Petikan Daripada;

Kurik Kundi Merah Saga – Kumpulan Pantun Lisan Melayu, 1990, KL: DBP.



(5)

Dari Daik ke Tanjung Jati,
Sampan berlabuh bawa setanggi;
Kalau baik niat hatinya,
Budi ditabur disanjung tinggi.

Indang-indang padi di Daik,
Padi bukit ditampi juga;
Kalau ada budi yang baik,
Walau sedikit dikenang juga.

Petikan Daripada;

Madulara (Peny.), 1000 Pantun Dondang Sayang, 2004.



(6)

Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut tersebut,
Budi yang baik rasa nak junjung.

Tingkap papan kayu bersegi,
Sampan sakat di Pulau Angsa;
Indah tampan kerana budi,
Tinggi bangsa kerana bahasa.

Anak cina bertimbang madat,
Dari Makasar langsung ke Deli;
Hidup di dunia biar beradat,
Bahasa tidak dijual beli.

Makan sirih berpinang tidak,
Pinang ada di bawah tangga;
Makan sirih mengenyang tidak,
Tapi tanda budi dan bahasa.

Petikan Daripada;

Pantun Klasik Melayu.




(7)

Asam kandis dalam tempayan, Berbunga lebat pokok rambutan,
Kulit lokan jatuh di laman; Hinggap tempua berjuntai kaki;
Wajah yang manis nampak rupawan, Bila dapat memandang bulan,
Maniskan lagi dengan senyuman. Jangan lupa rumput di bumi.

Sayang manggis belah pun manggis,
Belah mari kulit isinya;
Duduk manis berdiri pun manis,
Manis dengan hati budinya.

Petikan Daripada;
Koleksi Pantun Melayu.



(8)

Pergi ke belukar memasang pikat, Sungguh pahit buah peria,
Pulanginya lewat di hujung petang; Dimakan juga dibuat sayuran;
Jikalau sentiasa berjimat cermat, Membesar belanja sikap sesia,
Rezeki secupak terasa segantang. Hanya menambah beban kewangan.

Indah nian pemandangan dunia, Singgah berehat di Kota Lama,
Dari timur hingga selatan; Kuih dijamah air dihirup;
Sikap berjimat amalan mulia, Berjimat cermat suruhan agama,
Orang boros sahabat syaitan. Jika diamal sejahteralah hidup.

Masak meranum buah ara, Inderagiri pasirnya lumat,
Jatuh sebiji di atas papan; Tempat berkelah Putera Raja;
Jika berjimat setiap perkara, Baik sedikit tetapi berjimat,
Pasti terjamin masa hadapan. Daripada banyak membazir sahaja.

Turun ke ladang memetik kacang,
Hendak dibuat masak lemak;
Segala urusan jika terancang,
Sikap membazir pasti terelak.

Petikan Daripada;
Zailiani Taslim (Penyelenggara), Pantun Empat Kerat (Berjimat Cermat).




(9)

Cantik teluk pantainya landai, Sulumpih buluh tajam sembilu,
Tambat perahu tepi kuala; Batang tebu beruas-ruas;
Biar buruk kain dipakai, Baru kutahu luasnya ilmu,
Asalkan ilmu penuh di dada. Lagi kutuntut bertambah luas.

Kain songket benang sutera, Dari Muar ke Bandar Tangkak,
Lipat sebelit bulat selewang; Langsung sampai ke Padang Jambu;
Ilmu yang banyak ibarat cahaya, Mahu ingat adik dan kakak,
Walau sedikit menjadi terang. Jangan jemu menuntut ilmu.

Petikan Daripada;

Madulara (Penyelenggara) 1000 Pantun Dondang Sayang, 2004.




(10)

Air jernih sajaknya landai,
Jalan raya titian batu;
Berunding cerdik dengan pandai,
Faham dua menjadi satu.

Petikan Daripada;

Gazali Dunia, Langgam Sastera Lama, 1969, KL; Oxford University Press.



(11)

Apa marak di dalam kain,
Emas paun berbungkus kasa;
Jika bekerja jangan bermain,
Barulah mendapat nama berjasa.

Petikan Daripada;

Muda Omar Ali Saifuddin, Syair Nasihat, 1994, Bandar Seri Begawan, Brunei;
DBP.



(12)

Apalah tanda batang tebu,
Batang tebu halus uratnya;
Apalah tanda orang berilmu,
Orang berilmu halus sifatnya.

Petikan Daripada;

Pengajian Sastera dan Sosiobudaya Melayu Memasuki Alaf Baru, 1998, KL; Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.



(13)

Asam jawa pokok di hutan,
Dibawa orang tanam di desa;
Ada nyawa ada harapan,
Tidak ku mahu berputus asa.

Petikan Daripada;

Sekalung Budi Seuntai Bahasa, 1990, KL; DBP.



(14)

Bakar damar di Tanjung Palas,
Bilah juga akan suginya;
Saya benar serta ikhlas,
Allah juga akan saksinya.

Petikan Daripada;

R.O. Winstedr & R.J. Wilkinson (Peny.), Pantun Melayu, 1961, Singapura; Malaya Publishing House.



(15)

Buah berangan dalam kota,
Direndang orang tengah hari;
Jangan tuan kata mengata,
Takut menimpa hidung sendiri.

Petikan Daripada;

Ahmad Babji (Peny.), Pantun Melayu, 1958, KL; Geliga Limited.



(16)

Buah ganja makan dikikir,
Dibawa orang dari hulu;
Barang kerja hendaklah fikir,
Supaya jangan mendapat malu.

Ganja dibawa dari hulu,
Helang terbang ke seberang;
Janganlah kita mendapat malu,
Kelak tidak dipandang orang.

Terbang helang ke seberang,
Lalu hinggap di kayu ara;
Kelak tidak dipandang orang,
Supaya jangan jadi cedera.

Petikan Daripada;

Pantun Melayu, 1958, Jakarta; Dinas Penerbitan Balai Pustaka.





Gurindam

Gurindam merupakan sejenis bentuk puisi yang tidak terikat atau tiada tentu bentuknya (sama ada terikat atau tidak). Bentuk yang terikat biasanya terdiri dari pada dua baris serangkap, menyerupai syair dua baris atau nazam. Setiap baris biasanya mengandungi tiga atau empat, enam atau lebih perkataan; dan pola rima a-a; a-b atau serima (*monorhyme*). Tiap serangkap merupakan sebahagian daripada idea yang berturutan dan biasanya memerlukan beberapa baris atau rangkap untuk menyatakan keseluruhan idea. Bentuk yang tidak terikat tergolong sebagai puisi bebas, sama ada berangkap atau tidak. Walaupun setiap rangkap dapat berdiri sendiri tetapi biasanya memerlukan beberapa baris atau rangkap untuk meyakinkan satu keseluruhan idea. Dari segi bentuk ia sama seperti talibun, teromba atau mantera; tetapi tergolong sebagai gurindam kerana isinya mengandungi nasihat, pengajaran dan kebenaran, berbeza dengan mantera. Gurindam tidak mengandungi unsur sihir; dan berbeza dengan teromba, ia tidak merujuk kepada salasilah atau undang-undang setempat.

(1)

Hendak pandai menghargai masa,
Jangan dinanti esok lusa,
Ketekunan akan membawa kejayaan,
Kegigihan bekerja dengan keupayaan.
Wajah ceria keseronokan bekerja,
Usah berduka bermuram durja.
Hidup dalam kemuliaan kesederhanaan,
Bertindak dengan penuh kebijaksanaan.
Ketinggian peribadi jadi amalan,
Ketelusan hati jadi bekalan.
Kekuatan sifat baik hati,
Bertimbang rasa dan bersimpati.
Pengaruh kepimpinan melalui teladan,
Baik buruk jadikan sempadan.
Menjadi kewajipan menjalankan tugas,
Walaupun sederhana tetapi tegas.
Kebijaksanaan berhemat perlu diutama,
Tidak membazir teliti saksama.
Keutamaan kesabaran fikiran tenang,

Perkara susah menjadi senang.
Peningkatan bakat diberi sokongan,
Tunjukkan kebolehan jadikan dorongan.
Nikmat mencipta budaya kreatif,
Kembangkan bakat semoga aktif.

Petikan Daripada;

Mohd Sidek Mohd Dollah (Mas Adeki) (Peny.), Gurindam Tonggak Dua Belas.



(2)

Sikap Si Luncai, biarkan, biarkan...

Ada rumah tidak dijaga,
Ada anak tidak dilatih,
Ada ternakan tidak dibela,
Ada kebun tidak ditanam,
Ada cerdik tidak selidik,
Ada belajar kepalang ajar,
Ada mengaji tiada mengkaji,
Ada mata tiada kuasa,
Ada kuat tiada buat,
Biarkan, biarkan..!

Si Luncai pun terjun dengan labu-labunya.

Petikan Daripada;

Md. Ali Bachik (ILADAM) (Penyelenggara), Seloka Si Luncai.



Ini gurindam pasal yang pertama:

Barang siapa tiada memegang agama,
sekali-kali tiada boleh dibilangkan nama.
Barang siapa mengenal yang empat,
maka ia itulah orang yang ma'rifat.
Barang siapa mengenal Allah,
suruh dan tegahnya tiada ia menyalah.
Barang siapa mengenal diri,
maka telah mengenal akan Tuhan yang bahri.
Barang siapa mengenal dunia,
tahulah ia barang yang teperdaya.
Barang siapa mengenal akhirat,
tahulah ia dunia mudarat.

Ini gurindam pasal yang kedua:

Barang siapa mengenal yang tersebut,
tahulah ia makna takut.
Barang siapa meninggalkan sembahyang,
seperti rumah tiada bertiang.
Barang siapa meninggalkan puasa,
tidaklah mendapat dua termasa.
Barang siapa meninggalkan zakat,
tiadalah hartanya beroleh berkat.
Barang siapa meninggalkan haji,
tiadalah ia menyempurnakan janji.

Ini gurindam pasal yang ketiga:

Apabila terpelihara mata,
sedikitlah cita-cita.
Apabila terpelihara kuping,
khabar yang jahat tiadalah damping.
Apabila terpelihara lidah,
niscaya dapat daripadanya paedah.
Bersungguh-sungguh engkau memelihara tangan,
daripada segala berat dan ringan.
Apabila perut terlalu penuh,
keluarlah fi'il yang tiada senunuh.
Anggota tengah hendaklah ingat,
di situlah banyak orang yang hilang semangat.
Hendaklah peliharakan kaki,
daripada berjalan yang membawa rugi.

Ini gurindam pasal yang keempat:

Hail kerajaan di dalam tubuh,
jikalau lalim segala anggotapun rubuh.
Apabila dengki sudah bertanah,
datanglah daripadanya beberapa anak panah.
Mengumpat dan memuji hendaklah pikir,
di situlah banyak orang yang tergelincir.
Pekerjaan marah jangan dibela,
nanti hilang akal di kepala.
Jika sedikitpun berbuat bohong,
boleh diumpamakan mulutnya itu pekong.
Tanda orang yang amat celaka,
aib dirinya tiada ia sangka.
Bakhil jangan diberi singgah,
itupun perampok yang amat gagah.
Barang siapa yang sudah besar,
janganlah kelakuannya membuat kasar.
Barang siapa perkataan kotor,
mulutnya itu umpama ketur.
Di mana tahu salah diri,
jika tidak orang lain yang berperi.

Ini gurindam pasal yang kelima:

Jika hendak mengenai orang berbangsa,
lihat kepada budi dan bahasa,
Jika hendak mengenal orang yang berbahagia,
sangat memeliharakan yang sia-sia.
Jika hendak mengenal orang mulia,
lihatlah kepada kelakuan dia.
Jika hendak mengenal orang yang berilmu,
bertanya dan belajar tiadalah jemu.
Jika hendak mengenal orang yang berakal,
di dalam dunia mengambil bekal.
Jika hendak mengenal orang yang baik perangai,
lihat pada ketika bercampur dengan orang ramai.

Ini gurindam pasal yang keenam:

Cahari olehmu akan sahabat,
yang boleh dijadikan obat.
Cahari olehmu akan guru,
yang boleh tahukan tiap seteru.
Cahari olehmu akan isteri,
yang boleh menyerahkan diri.
Cahari olehmu akan kawan,
pilih segala orang yang setiawan.
Cahari olehmu akan abdi,
yang ada baik sedikit budi.

Ini Gurindam pasal yang ketujuh:

Apabila banyak berkata-kata,
di situlah jalan masuk dusta.
Apabila banyak berlebih-lebihan suka,
itulah landa hampirkan duka.
Apabila kita kurang siasat,
itulah tanda pekerjaan hendak sesat.
Apabila anak tidak dilatih,
Jika besar bapanya letih.
Apabila banyak mencela orang,
itulah tanda dirinya kurang.
Apabila orang yang banyak tidur,
sia-sia sahalalah umur.
Apabila mendengar akan khabar,
menerima itu hendaklah sabar.
Apabila mendengar akan aduan,
membicarakannya itu hendaklah
cemburuan.
Apabila perkataan yang lemah-lembut,
lekaslah segala orang mengikut.
Apabila perkataan yang amat kasar,
lekaslah orang sekalian gusar.
Apabila pekerjaan yang amat benar,
tidak boleh orang berbuat onar.

Ini gurindam pasal yang kedelapan:

Barang siapa khianat akan dirinya,
apalagi kepada lainnya.
Kepada dirinya ia aniaya,
orang itu jangan engkau percaya.
Lidah yang suka membenarkan dirinya,
daripada yang lain dapat kesalahannya.
Daripada memuji diri hendaklah sabar,
biar dan pada orang datangnya khabar.
Orang yang suka menampakkan jasa,
setengah daripada syirik mengaku kuasa.
Kejahatan diri sembunyikan,
kebaikan diri diamkan.
Keaiban orang jangan dibuka,
keaiban diri hendaklah sangka.

Ini gurindam pasal yang kesembilan:

Tahu pekerjaan tak baik,
tetapi dikerjakan,
bukannya manusia yaitulah syaitan.
Kejahatan seorang perempuan tua,
itulah iblis punya penggawa.
Kepada segala hamba-hamba raja,
di situlah syaitan tempatnya manja.
Kebanyakan orang yang muda-muda,
di situlah syaitan tempat berkuda.
Perkumpulan laki-laki dengan
perempuan,
di situlah syaitan punya jamuan.
Adapun orang tua yang hemat,
syaitan tak suka membuat sahabat.
Jika orang muda kuat berguru,
dengan syaitan jadi berseteru.

Ini gurindam pasal yang kesepuluh:

Dengan bapa jangan durhaka,
supaya Allah tidak murka.
Dengan ibu hendaklah hormat,
supaya badan dapat selamat.
Dengan anak janganlah lalai,
supaya boleh naik ke tengah balai.
Dengan isteri dan gundik janganlah alpa,
supaya kemaluan jangan menerpa.
Dengan kawan hendaklah adil supaya
tangannya jadi kafill.

Ini gurindam pasal yang kesebelas:

Hendaklah berjasa,
kepada yang sebangsa.
Hendaklah jadi kepala,
buang perangai yang cela.
Hendaklah memegang amanat,
buanglah khianat.
Hendak marah,
dahulukan hajat.
Hendak dimulai,
jangan melalui.
Hendak ramai,
murahkan perangai.

Ini gurindam pasal yang kedua belas:

Raja muafakat dengan menteri,
seperti kebun berpagarkan duri.
Betul hati kepada raja,
tanda jadi sebarang kerja.
Hukum adil atas rakyat,
tanda raja beroleh inayat.
Kasihkan orang yang berilmu,
tanda rahmat atas dirimu.
Hormat akan orang yang pandai,
tanda mengenal kasa dan cindai.
Ingatkan dirinya mati,
itulah asal berbuat bakti.
Akhirat itu terlalu nyata,
kepada hati yang tidak buta.

Petikan Daripada;

Raja Ali Haji, Gurindam Dua Belas, 2003, Pekanbaru, Riau; Unri Press.





Teromba

Teromba merupakan ungkapan berirama yang kelazimannya mengenai adat sebagai panduan atau amalan adat sesuatu masyarakat. Ia merupakan sejenis puisi bebas yang mungkin mempunyai bentuk lain seperti pantun, syair, rubai dan talibun tetapi isi dan fungsinya merujuk kepada satu bidang tetap, iaitu adat. Puisi ini dikenali juga sebagai puisi adat dan dikatakan berasal daripada masyarakat Minangkabau (Minang: Tambo).

(1)

Keadilan Dipinta-Pinta
Kebenaran Diunjuk Beri
Di Sayap Yang Landai
Di Air Yang Jernih
Kok Kusut Nakkan Selesai
Kok Gelap Nakkan Terangnya
Kok Salah Nakkan Benarnya
Kok Sulit Nakkan Putusannya

(2)

Seikat Seperti Sirih
Serumpun Seperti Serai
Seciap Seperti Ayam
Sedencing Seperti Besi
Malu Tak Boleh Diagih
Suka Tak Boleh Diinjak
Melompat Sama Parah
Menyerudup Sama Bongkok
Jalan Sedundun
Selenggang Seayun

Petikan Daripada;

Mohd Rosli Saludin, Teromba dalam Puisi Melayu Tradisional, 2009.





Pembudayaan nilai murni dalam kalangan warga penjawat awam merupakan elemen penting untuk mengukuhkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam kepada rakyat. Oleh itu, penjawat awam seharusnya memiliki nilai berintegriti, kesederhanaan, prihatin, telus, terbuka menerima pandangan, memperkasa budaya ilmu, mesra pelanggan, berinovasi, kreatif dan seumpamanya. Pengamalan secara konsisten nilai unggul ini akan membentuk paradigma baharu warga penjawat awam ke atas tanggungjawab yang digalas dan seterusnya akan meningkatkan persepsi pelanggan terhadap penyampaian perkhidmatan awam.

Diharapkan Buku Nilai Unggul Perkhidmatan Awam ini menjadi rujukan, menambahkan khazanah dan repositori berkaitan pengamalan nilai murni untuk dimanfaatkan oleh seluruh warga penjawat awam.

Marilah bersama-sama kita hayati firman Allah Taala dan kata-kata ini:

“Dan katakanlah wahai Muhammad, hendaklah kamu semua berusaha (beramal) kerana Allah akan melihat dan menilai apa yang kamu usahakan”.
Surah at-Taubah ayat 105

*Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa;
Tegak bangsa kerana budi,
Runtuh budi hilanglah bangsa.*

“Mengharapkan yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang”,

“Kalau tidak dipecahkan ruyong manakan dapat sagunya”,


“Ibarat telur sesangkak, pecah sebiji, pecah semua”.





**Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri**

Aras 6, Blok B2, Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603-8000 8000 Faks: +603-8888 5145



ISBN 978-983-9827-38-5